

فتيقن تيتاه

PETIKAN TITAH

“DALAM waktu yang sama para belia perlu menukar mindset ke arah perubahan sikap, di mana mereka tidak akan terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mendapatkan pekerjaan. Para belia semestinya lebih bersedia untuk merebut peluang di sektor swasta dan di bidang keusahawanan.”
- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-8 Tahun 2013 pada 16 Muharam 1435 Hijriah / 20 November 2013 Masihi.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“INGATLAH ketika pemuda-pemuda itu berlindung di dalam gua lalu mereka berdoa:
Ya Tuhan kami!
Kurniakanlah rahmat dari sisi-Mu dan sempurnakan bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami.”
- (Surah Al Kahfi ayat 10).

TAHUN 58 / BILANGAN 144

25 NOVEMBER 2013 / 1435 محرم 21

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Berkenan berangkat ke Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun Sekolah Al-Falaah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun 2013 Masihi / 1435 Hijriah dan Penyampaian Sijil Bagi Murid-Murid Kindergarten 3 dan Tahun 6 Sekolah Al-Falaah (AFS). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas. - (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

Brunei komited tangani perubahan iklim

Berita dan Foto :

Ihsan Kementerian Pembangunan

WARSAW, POLAND. - Perjanjian iklim global baru digelar 'Perjanjian 2015' berkaitan perubahan iklim memerlukan pemedulian seimbang terhadap elemen-elemen penting yang merangkumi mitigasi, penyesuaian dan cara pelaksanaan mengikut prinsip-prinsip dan peruntukan-peruntukan Konvensyen.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera

Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata, ianya juga memerlukan hubungan yang kukuh terhadap tindakan dan cita-cita di antara pra-2020 dan pasca 2020 yang boleh dibina dan ditingkatkan berdasarkan kepada penyusunan yang sedia ada.

Semasa berucap pada segmen peringkat tinggi Persidangan Perubahan Iklim atau Conference of the Parties (COP) Ke-19 dari Rangka Kerja Bangsa-Bangsa (PBB) untuk Perubahan Iklim (UNFCCC) dan Persidangan Sesi Ke-9 dari Protokol Kyoto (CMP9) di Warsaw yang bermula dari 11 hingga 21 November di sini, Yang Berhormat juga menyeru bagi satu ratifikasi segera terhadap pindaan kepada Protokol Kyoto bagi memastikan komitmen seterusnya pihak-pihak berkaitan 'Annex 1 Parties' untuk mengurangkan gas rumah hijau (greenhouse gas) dalam tempoh

komitmen kedua.

Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat, telah memulakan proses kebangsaan untuk ratifikasi pindaan tersebut.

Berhubung dengan kewangan iklim, Yang Berhormat menggesa komitmen 'Annex 1 Parties' menyediakan sumber kewangan untuk dana iklim dan membuat jaminan segera ke arah matlamat penyediaan USD100 bilion setahun pada tahun 2020 bagi pelaksanaan Konvensyen.

Yang Berhormat seterusnya menyeru pihak berkaitan untuk menangani isu-isu sekatan utama bagi pembangunan dan pemindahan teknologi yang telah lama dimandatkan oleh Konvensyen berkenaan.

Memetik kepada kesan buruk ekoran Taufan Haiyan di Republik Filipina, Viet Nam, Palau dan Micronesia, Yang Berhormat menyatakan, sokongan Negara Brunei Darussalam bagi cadangan yang dibuat oleh Kumpulan 77 dan China bagi penubuhan mekanisme antarabangsa untuk 'kehilangan dan kerosakan' yang akan membantu negara-negara dalam menangani kesan buruk perubahan iklim.

Ke muka 24



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan membuat persembahan pentas bagi Majlis Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun 2013 Masihi / 1435 Hijriah dan Penyampaian Sijil Bagi Murid-Murid Kindergarten 3 dan Tahun 6 Sekolah Al-Falaah. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas. (Lagi berita dan gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).



Muka 3

BIBD Charity Expedition
ALAF 2013 terima sambutan



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa berucap sempena Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2013 pada hari Isnin, 30 Zulhijah 1434 Hijriah bersamaan 4 November 2013 Masihi di Taman Agro Teknologi, Kampung Tungku, Gadong.

**Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh**

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya jua, kita semua dapat berkumpul beramai-ramai di Majlis Perasmian Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2013 pada pagi ini.

Terlebih dahulu, pada kesempatan ini peramba / kaola / saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada yang hadir kerana dapat meluangkan masa bagi sama-sama meraikan sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2013.

Sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2013 adalah sambutan kali keempat diadakan dan ianya diadakan di antaranya untuk memberikan penghargaan kepada yang berjaya.

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang masih lagi kekurangan tenaga kerja buruh terutama sekali dalam bidang pertanian dan perikanan. Kebergantungan sepenuhnya kepada tenaga kerja asing adalah satu kelemahan yang boleh menjejaskan usaha kerajaan untuk mencapai hasrat sekuriti makanan. Oleh sebab itu, kita perlu peka terhadap teknologi-teknologi terkini yang lebih bersesuaian yang boleh mengurangkan penggunaan buruh dan boleh membantu ke arah pengeluaran hasil yang lebih tinggi dan berkualiti dengan masih mengutamakan keselamatan dan kebersihan produk. Dalam hubungan ini, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan lagi penghasilan produk pertanian dan

Bioteknologi pertanian, perikanan penting bagi transformasi teknologi

perikanan dengan memodenkan sektor berkenaan melalui penggunaan teknologi dan inovasi agar terus berdaya saing dan signifikan dalam pertumbuhan ekonomi. Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) akan sentiasa giat berusaha menjalankan penyelidikan dalam mencari kaedah-kaedah yang sesuai bagi membantu para peladang, petani, penternak dan nelayan untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kualiti pengeluaran hasil setiap komoditi berasaskan pertanian dan perikanan di negara ini dengan lebih cekap dan lestari.

Salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh KPSSU untuk meningkatkan penghasilan pertanian dan perikanan yang mapan ialah mengatur strategi dan teknologi yang inovatif lagi bersesuaian di dalam bidang agroteknologi. Di antaranya ialah pembangunan varieti dan baka yang ditambah baik; pengeluaran benih yang berkualiti; pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur yang kos efektif; bioteknologi dan bioproses yang bersesuaian; mekanisasi dan automasi yang menjimatkan tenaga buruh dan sistem pengeluaran hasil di bawah *modified environment* serta kaji penyakit dan piawai.

Contohnya, penanaman sayur-sayuran dengan cara penanaman sayur tanpa tanah secara sistem fertigasi. Kaedah titisan di dalam sistem fertigasi mampu membekalkan air dan larutan baja kepada tanaman dengan berkesan tanpa sebarang pembaziran. Sistem ini juga mengamalkan pengurusan musuh tanaman secara bersepadu dengan kombinasi kultura, biologi dan kimia bagi mengawal serangan musuh tanaman dan akhirnya produk yang dihasilkan selamat dan bermutu tinggi.

Menurut laporan perangkaan jumlah import, sayur import jenis temperat ke negara ini masih di tahap tinggi iaitu sebanyak 68.5 peratus bagi tahun 2012. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dari semasa ke semasa akan meningkatkan kajian mengenai dengan kesesuaian penanaman sayur jenis temperat di negara ini. Jika dilaksanakan secara komersial ianya akan dapat meningkatkan penghasilan industri sayur-sayuran dan buah-buahan dan seterusnya mengurangkan kadar import dan secara langsung meningkatkan tahap sara diri. Di samping itu, dengan kaedah bioteknologi, pembiakan bunga orkid tempatan secara komersial seperti mana spesies-spesies Borneo Orchid, Giant (Tiger) Orchid dan lain-lainnya akan dapat dilaksanakan. Spesies tersebut mempunyai potensi untuk diperkembangkan dan seterusnya menambahkan lagi varieti

orkid tempatan dan meningkatkan industri florikultur di Negara Brunei Darussalam.

Insya-Allah, sebagai langkah awal perancangan jangka pendek dalam penghasilan bunga-bunga orkid tempatan berkenaan, KPSSU melalui program usahasama dengan agensi luar negeri akan memulakan projek kajian penyelidikan berkenaan dalam masa terdekat.

Perlaksanaan strategi melalui program-program latihan kepada pengusaha-pengusaha pertanian dan perikanan juga memainkan peranan yang penting dalam mendedahkan kepada teknologi-teknologi baru yang bermanfaat. Hasil usahasama dengan negara yang lebih maju melicinkan pemindahan teknologi ke negara ini dengan sendirinya tenaga kerja dapat manfaat daripadanya.

Teknologi dilihat sebagai satu strategi bagi mengeluarkan produk pertanian dan perikanan yang mampan dan berkualiti tinggi. Contohnya dalam bidang tanaman, teknologi dikembangmajukan bermula dari peringkat pengeluaran biji benih di mana teknologi pembiakan benih melalui program *breeding technology* akan menghasilkan satu baka yang mampu meningkatkan kualiti dan juga produktiviti. Teknologi ini juga dilaratkan dengan penemuan-penemuan ke arah perlindungan tanaman dan juga penggandaan hasil. Salah satu teknologi yang digunakan dalam penggandaan benih ialah teknologi kultur tisu yang mampu memperbanyakkan benih tanpa penggunaan biji benih dan ianya dihasilkan dengan menggunakan bahagian tisu yang ada pada tanaman berkenaan.

Kaedah biak baka moden juga telah menyumbang kepada penghasilan padi hibrid, yang mana benih padi dapat dihasilkan melalui percantuman dan kacukan daripada beberapa jenis benih terbaik berlainan bagi menghasilkan produk lebih berkualiti. Kaedah ini telah menunjukkan kejayaan di Negara Brunei Darussalam dengan pengeluaran Beras Titih.

Manakala itu sektor perikanan yang terdiri daripada industri penangkapan ikan, industri akuakultur dan industri pemprosesan ikan mempunyai potensi untuk dikembangmajukan secara mampan. Ke arah meningkatkan penghasilan dari sektor ini kementerian ini akan terus melaksanakan program-program penyelidikan dan perkembangan bagi menjamin keselamatan makanan dari sektor perikanan; meningkatkan pendapatan penternak dan nelayan dan dalam waktu yang sama menitikberatkan pemeliharaan alam sekitar yang bersih dan lestari.

Ke muka 5

Dari Sidang
Pengarang.

25 NOVEMBER 2013 BERSAMAAN 1435 محرم 21

ASEAN-COCI KE-48 MEMPROMOSI WARISAN BUDAYA SERANTAU

KETIKA Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-22 pada bulan April lepas, para pemimpin negara ASEAN telah mengakui akan kepentingan meningkatkan kesedaran terhadap melaksanakan kerja-kerja dalam ASEAN iaitu untuk menghubungkan rakyat dengan rantau luar, merapatkan jurang budaya dan menyuarakan akan faedah mengenai integrasi serantau dengan mengorak langkah ke arah pembentukan Komuniti ASEAN pada tahun 2015.

Sebagaimana dalam Mesyuarat Komuniti Mengenai Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN-COCI) Ke-48 yang lalu, Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan telah ditubuhkan pada tahun 1978, yang mana pada tahun yang sama para Menteri Luar ASEAN bersetuju bagi penubuhan sebuah Tabung Kebudayaan ASEAN dalam memelihara warisan budaya ASEAN dan memupuk interaksi dan kesedaran akan budaya di rantau Asia Tenggara.

Matlamat ASEAN adalah untuk mempergiatkan dan mendorong para pemimpin agar mempertanggungjawabkan matlamat Komuniti ASEAN untuk memberikan penekanan dalam menyampaikan usaha mereka kepada sektor-sektor yang berkaitan, orang ramai dan pihak yang berkepentingan - termasuk melalui tradisional, aliran utama dan Media Baru. Sehubungan dengan ini, mereka akan melaksanakan persiapan awal Pelan Induk Komuniti ASEAN. Ini juga bertujuan untuk mengkaji semula status pelaksanaan projek berterusan dalam sektor maklumat, di samping mengesyorkan cadangan projek baru untuk pembiayaan di bawah Jawatankuasa ASEAN Mengenai Kebudayaan dan Penerangan dan rakan-rakan dialog.

Objektif strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) dalam Rangka Tindakan yang diguna pakai oleh para pemimpin pada tahun 2009 termasuk mewujudkan semangat kekitaan, mengukuhkan perpaduan dan kepelbagaian serta memperdalamkan pemahaman menyeluruh mengenai budaya, sejarah agama dan tamadun. Selain daripada itu juga, memelihara dan memelihara warisan budaya, mempromosi kreativiti dan industri kebudayaan dan penglibatan dengan masyarakat sebagai sebahagian daripada matlamat yang meluas dalam membina identiti ASEAN.

Melalui Kajian Separuh Penggal Pelaksanaan Rangka Tindakan ASCC yang telah diluluskan oleh para pemimpin pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 yang baru lalu telah mendapati bahawa sasaran pencapaian bagi membina identiti ASEAN sangat memberangsangkan di beberapa kawasan. Perlu ada penambahbaikan di lain-lain sektor, terutamanya dalam bidang penyebaran maklumat dan mekanisme pelaporan yang digunakan.

Mesyuarat ASEAN-COCI Ke-48 telah diadakan baru-baru ini dengan menekankan beberapa matlamat penting dalam mempromosikan warisan budaya serantau. Acara Festival Kebudayaan ASEAN yang akan diadakan di Negara Brunei Darussalam pada tahun hadapan negara akan menentang beberapa projek yang dihasilkan untuk mendukung objektif strategi Pelan Tindakan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN yang telah diguna pakai oleh para pemimpin ASEAN pada tahun 2009 untuk mengekalkan dan mempromosikan warisan budaya serantau sepertiimana yang diinginkan.

Sementara itu, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan beberapa projek seperti Berita TV ASEAN, Tindakan ASEAN dan Pelan Kerja 3 Tahun bagi Inisiatif Kerjasama Penyiaran Digital ASEAN. Projek-projek tersebut dilaksanakan bagi membarikan maklumat-maklumat mengenai ASEAN dari segi ekonomi, politik dan kebudayaan melalui platform televisyen dan radio, di samping aktif mempromosikan dan membarikan ASEAN kepada orang ramai melalui seminar dan jerayawara kenali ASEAN. Di samping itu, satu projek juga diselenggarakan oleh Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura iaitu projek baru yang dinamakan 'Colours of ASEAN'. Selain itu, projek-projek yang berjalan dan dicadangkan bersama rakan-rakan dialog ASEAN iaitu ASEAN-China, ASEAN-India, ASEAN-Japan dan ASEAN-Republic of Korea dan ASEAN-Plus Three terus dijalankan sebagaimana yang diperlukan.

Sektor Budaya dan Penerangan di Asia Tenggara perlu mempergiatkan lagi usahanya untuk membina sebuah identiti ASEAN. Oleh kerana itu, pelaksanaan ini telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran ASEAN sejak beberapa tahun lalu. Sebagai contohnya, aktiviti-aktiviti seperti Kuiz ASEAN telah dilaksanakan pelbagai cara dalam mendidik rakyat tentang kepelbagaian budaya, terutama golongan muda. Ini juga bertujuan untuk menggalakkan usaha membina masyarakat dan memupuk semangat kesedaran mengenai ASEAN.

Maka dengan kejayaan Negara Brunei Darussalam memperkerusi mesyuarat tersebut, tahun hadapan iaitu Negara Kemboja akan memperkerusi jawatankuasa Mesyuarat ASEAN-COCI Ke-49 dengan objektif yang sama dan pemimpin ASEAN ke mercu kejayaan. - **Ketua Penyuntingan. (Tr)**

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN 31°C / 24°C	31°C / 24°C	32°C / 24°C
MUARA 31°C / 24°C	31°C / 25°C	31°C / 25°C
PEKAN BANGAR 30°C / 24°C	30°C / 24°C	31°C / 24°C
PEKAN TUTONG 31°C / 24°C	32°C / 24°C	32°C / 24°C
PEKAN GERIA 32°C / 24°C	32°C / 25°C	32°C / 24°C
KUALA BELAIT 32°C / 24°C	32°C / 25°C	32°C / 24°C
Wahaiwan Bissawab		

Sumber : Perkhidmatan Kaji-cuaca Brunei Darussalam
Jabatan Penerangan Awam
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca : 114

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Haji Aliddin Haji Moktal,
Ak. Jeffery Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentty Haji Arifin

Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramli / Haji Ramli,
Hajah Zabaidah Haji Salat,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,
Hajah Raimi Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

BIBD Charity Expedition ALAF 2013 terima sambutan

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menyertai BIBD Charity Expedition ALAF 2013.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah menyertai acara Larian 5 Kilometer yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Dalam acara tersebut, Yang Teramat Mulia berdua berjaya menamatkan larian dengan masa 37 minit, pelepasan acara 5 kilometer telah dilepaskan oleh Penolong Pengarah Urusan BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.

Lebih 6,000 peserta yang menyertai Larian Amal tersebut yang juga disertai sama oleh para peserta dari Malaysia, Republik Filipina, United Kingdom, Republik

Singapura, Australia, New Zealand, Kenya, Perancis dan Afrika Selatan, selain daripada peserta tempatan.

Sementara, BIBD Charity Expedition ALAF 2013 dibahagikan kepada lima acara iaitu Maraton Penuh 42.195 kilometer; 21 kilometer; 10 kilometer; 5 kilometer dan 2.5 kilometer serta Ekspidisi Berbasikal sejauh 45 kilometer yang disertai oleh lebih 500 peminat sukan basikal di negara ini.

Antara yang turut serta ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Juara bagi acara 21 Kilometer Lelaki Terbuka ialah Nyabsikera Pol Ycrap dengan masa 1 jam 5 minit 47 saat menerima wang tunai BND2,000; kedua, milik Sang Alfred Kip mencatat masa 1 jam 6 minit 18 saat membawa pulang wang tunai BND1,000, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Charles Kipkorir Kipsang mencatat masa 1 jam 7 minit 5 saat menerima wang tunai BND500 dan mereka juga masing-masing menerima medal, kemeja 'T' dan jam tangan.

Sementara bagi peserta tempatan



juara disandang oleh Sefli Ahar mencatat masa 1 jam 17 minit 23 saat menerima wang tunai BND1,800 dan penerbangan ke Republik Singapura; kedua, Sahminah Haji Mohd. Salleh dengan masa 1 jam 20 minit 34 saat menerima wang tunai BND900 dan mengisi posisi ketiga iaitu Razali Sabli dengan masa 1 jam 23 minit 23 saat membawa pulang BND450, mereka

PUTERA dan puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berkenan menyertai BIBD Charity Expedition ALAF 2013 yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

masing-masing menerima medal, kemeja 'T' dan tiket penerbangan ke Republik Singapura.

Manakala bagi Kategori Wanita Terbuka, juara menerima wang tunai BND2,000 dimiliki oleh Alice Kabura Njoroge dengan masa 1 jam 23 minit 8 saat; tempat kedua jatuh kepada Valentian Jekemboi Serem membawa pulang wang tunai BND1,000 dan tempat ketiga milik Sarah Louise Burns dengan masa 1 jam 48 minit dan 57 saat menerima wang tunai BND500 dan mereka juga menerima medal, kemeja 'T' dan jam tangan.

Bagi peserta tempatan terbuka johan ialah Yenny Muslim mencatat masa 1 jam 47 minit 21 saat menerima wang tunai BND1,800; kedua, Marnie Ahmad dengan masa 1 jam 50 minit 18 saat menerima wang tunai BND900 dan pemenang ketiga, Nikmatul Fatinah Ismail dengan masa 1 jam 57 minit 33 saat menerima wang tunai BND450 dan mereka juga menerima medal, kemeja 'T' dan tiket ke Republik Singapura.

Sementara bagi acara 10 Kilometer Lelaki 16 Tahun Ke Atas Terbuka juara milik Mereg James mencatat masa 31 minit 54 saat menerima wang tunai BND1,000; tempat kedua milik Daniel Kogo dengan masa 32 minit 4 saat menerima wang tunai BND500 dan ketiga disandang oleh Christopher Rono Chumo mencatat masa 32 minit 14 saat membawa hadiah wang tunai BND250 dan pemenang juga masing-masing menerima medal, kemeja 'T' dan jam tangan.

Bagi 10 Kilometer Wanita 16 Tahun Ke Atas Terbuka pertama ialah Jenni Kemp dengan masa

52 minit 21 saat menerima wang tunai BND1,000; kedua, Bibi Marcella Kula mencatat masa 53 minit 50 saat membawa pulang wang tunai BND500 dan tempat ketiga milik Marcela Linares dengan masa 54 minit 30 saat menerima wang tunai BND250, selain mereka juga menerima medal, kemeja 'T' dan jam tangan.

Manakala bagi Lelaki Bawah 16 Tahun Terbuka pertama, Ahmad Yazid bin Awang Hidup dengan masa 44 minit 4 saat menerima wang tunai BND1,000; kedua, Mohd. Rais Muntasir bin Mohd. Shahri mencatat masa 44 minit 32 saat menerima wang tunai BND500 dan ketiga, Md. Rizauddin Sukarmie dengan masa 54 minit 30 saat membawa pulang wang tunai BND250 dan pemenang juga menerima medal, kemeja 'T' dan jam tangan.

Bagi Kategori Wanita Bawah 16 Tahun Terbuka juara ialah Katarina Birimac dengan masa 46 minit 25 saat menerima wang tunai BND1,000 dan kedua, Amanina Hasniah Haji Hasnani mencatat masa 1 jam 39 minit 33 saat menerima wang tunai BND250 di samping menerima medal, kemeja 'T' dan jam tangan.

Hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh tetamu kehormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Pengerusi BIBD dan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya.

Pengutip penaja terbanyak berjumlah lebih BND9,000 dikutip oleh Khairul Syazni bin Haji Ibrahim, beliau menerima hadiah berupa seunit HP Touchpad, selain para peserta berpeluang memenangi cabutan bertuah yang menyediakan hadiah barangan elektrik, elektronik, tiket penerbangan dan baucar makan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berkenan menerima pingat penyertaan BIBD Charity Expedition ALAF 2013 dari Pengurus Urusan BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Pengerusi BIBD menyampaikan hadiah kepada juara bagi acara 21 Kilometer Lelaki Terbuka yang disertai oleh peserta luar negeri (kiri).

Berangkat ke Japan - Brunei Drums and Voices Joint Concert



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Sabtu, 23 November. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat ke Japan-Brunei Drums and Voices Joint Concert.

Kebangkitan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna di Jerudong International School, di sini, dijunjung oleh Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kenichi Suganuma.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Atur cara dimulakan dengan ucapan Tuan Yang Terutama Kenichi Suganuma yang antara lain menjelaskan, konsert pada malam itu merupakan sebahagian daripada projek

kerjasama muzik di seluruh rantau ASEAN dan Jepun yang direka khas sempena Ulang Tahun Persahabatan dan Kerjasama Jepun-ASEAN Ke-40.

TYT berkata, konsert tersebut menampilkan artis-artis Jepun dan Negara Brunei Darussalam dengan persembahan idea-idea muzik dan budaya yang berbeza antara satu sama lain dalam menarik penonton untuk menghayati persembahan unik 'Drums and Voices'.

Tambah TYT, Jepun dan Negara Brunei Darussalam telah menubuhkan hubungan persahabatan melalui pelbagai pertukaran budaya antara masyarakat, selain mengukuhkan lagi hubungan baik antara kedua-dua buah negara dengan menyediakan lebih banyak peluang dalam pertukaran budaya.

Acara kemudian diteruskan dengan persembahan kebudayaan tradisional melibatkan lebih 30 peserta termasuk pemuzik, penyanyi dan penari terdiri dari Tsubasa Hori, Kazunari Abe serta Yasushi Kita dari negara Jepun dan Kumpulan Senandung Budaya dari Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir ialah Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menghadiri Konsert 'Drums & Voice' bersempena hubungan Persahabatan dan Kerjasama Jepun-ASEAN Ke-40 Tahun yang diadakan di Sekolah Antarabangsa Jerudong (kiri dan atas).



ANTARA artis Negara Brunei Darussalam dan Jepun yang membuat persembahan dalam konsert tersebut.

SM YSHHB raih keputusan cemerlang GCE 'O' Level

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) mengadakan Majlis Penghargaan dan Perpisahan Pelajar-Pelajar BCGCE 'O' Level 2013, berlangsung di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada para pelajar berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman.

Turut berangkat pada majlis tersebut ialah cucunda-cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Hariisah Widatul Bolkiah binti Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim.

Terdahulu pada majlis tersebut, tetamu kehormat dalam ucapannya melahirkan rasa penghargaan kepada para ibu bapa kerana telah berusaha memberikan sokongan moral kepada anak-anak mereka dalam memberikan inspirasi serta motivasi yang tinggi untuk para pelajar akan terus berusaha dengan lebih gigih lagi apabila

berada di institusi pendidikan yang lebih tinggi setelah meninggalkan sekolah itu nanti.

Beliau turut difahamkan bahawa sebilangan para pelajar yang telah menduduki peperiksaan BCGCE 'O' Level bulan Jun yang lalu menunjukkan analisa keputusan peperiksaan yang memberangsangkan, yang mana tujuh mata pelajaran memperoleh 100 peratus lulus iaitu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Kimia, Biologi, Lukisan, Komputer, Additional Mathematics dan Principles of Account.

Sementara mata pelajaran Matematik mendapat keputusan 94.4 peratus lulus, Bahasa Inggeris 91.1 peratus, Sejarah 85.7 peratus, Geografi memperoleh 80 peratus, Pengetahuan Ugama Islam (IRK) 65.2 peratus, manakala Fizik 60 peratus dan Combined Science mendapat keputusan 50 peratus lulus.

"Memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan BCGCE 'O' Level adalah sangat-sangat penting sebagai landasan untuk meneruskan hasrat untuk menuntut ilmu ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat tingkatan enam dan seterusnya di peringkat universiti," ujarnya.

Dr. Haji Junaidi juga mengingatkan, selain kecemerlangan akademik, para pelajar juga harus sedar tentang kepentingan keperibadian dan akhlak mulia kerana aspek pembangunan saksiah diri dan kecerdasan kerohanian semestinya diberikan keutamaan.

Beliau mengingatkan kepada para pelajar untuk membentuk diri mereka sebagai insan yang seimbang dan dapat memenuhi antara tuntutan dunia dan Akhirat agar dapat mencapai

kecemerlangan hidup di dunia dan kecemerlangan di Akhirat.

Di samping itu, sarannya kepada para pelajar, untuk belajar dengan bersungguh-sungguh bagi membina fikiran kreatif yang mampu menyelesaikan masalah, boleh berfikir secara kritis, dinamik dan tahan lasak.

Pada kesempatan itu juga, tetamu kehormat melahirkan rasa penghargaan atas usaha pihak SM YSHHB serta pihak pengurusan YSHHB atas jasa bakti sekolah berkenaan dalam sama-sama mengambil peranan dalam memajukan bidang pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Mengikut data Kementerian Pendidikan, sekolah-sekolah swasta yang pada masa ini menawarkan pendidikan formal dari peringkat rendah sehingga menengah termasuk cawangan sekolah-sekolah yang sama adalah berjumlah 83 buah, yang telah menerima kemasukan sebanyak 31,582 pelajar iaitu kurang lebih 33.6 peratus dari jumlah 94,085 pelajar di peringkat ini.

Peratus ini menunjukkan satu pertiga jumlah pelajar adalah di bawah tanggungan pihak institusi pendidikan swasta, dan peratus keramaian ini juga menunjukkan betapa pentingnya peranan sekolah-sekolah swasta dalam menyediakan peluang pendidikan kepada para pelajar di negara ini.

Jika mengimbangi kembali keputusan peperiksaan BCGCE 'O' Level pada tahun 2012, dari jumlah keseluruhan 9,389 calon yang menduduki peperiksaan, 883 calon adalah terdiri daripada calon sekolah swasta.

Walaupun jumlah yang sedikit, keputusan peperiksaan mereka



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan cenderahati kepada seorang pelajar cemerlang.

amat membanggakan kerana hampir 75 peratus dari jumlah iaitu lebih 600 calon memperoleh sekurang-kurangnya kepujian atau credit dalam empat mata pelajaran.

Untuk mencapai Wawasan Negara 2035 dalam memastikan rakyat di negara ini mempunyai pendidikan yang tinggi, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pendidikan Swasta akan terus bekerjasama dengan pihak institusi pendidikan swasta serta memberikan perkhidmatan yang diperlukan.

Dalam hubungan ini, tugas Bahagian Pendidikan Swasta Kementerian Pendidikan jangleh dianggap sebagai penguatkuasa atau regulator tetapi sebaliknya sebagai rakan kongsi dalam sama-sama

mencapai hasrat pendidikan negara.

Seramai 65 pelajar dari Tahun 10 Fast Science, Tahun 11 Normal Science dan Tahun 11 Normal Combines Science diraikan pada majlis penghargaan tersebut, di mana pelbagai persembahan turut diadakan bagi memeriahkan lagi majlis berkenaan.

Juga hadir ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, serta para Pengarah Yayasan, Penolong Pengarah Yayasan dan Pengetua-pengetua Sekolah Rendah dan Menengah Yayasan.

BND16,227.12 diserahkan kepada Tabung Anak Yatim, Takmir Masjid

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 November. - Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Majlis Penyerahan Sumbangan berjumlah BND16,227.12 kepada Tabung Anak-Anak Yatim dan Takmir Masjid yang dikutip melalui aktiviti-aktiviti anjurannya bersempena Awal Tahun 1435 Hijriah.

Majlis penyerahan derma tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, selaku tetamu kehormat.

Majlis diadakan di Terindak D'Seni dan dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dari Pegawai Hal Ehwal

Masjid, Kampung Pintu Malim, Awang Haji Mohd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh dalam ucapan alu-aluannya berkata, sumbangan yang telah dihulurkan menunjukkan keterlibatan semua lapisan masyarakat dalam menyemarakkan lagi sambutan Awal Tahun Baru Hijriah.

Keprihatinan masyarakat, jelasnya, dapat membentuk syahsiah yang suka menderma dan membantu ke arah yang berkebabjikan serta dapat menghidupkan suasana masjid dengan kegiatan-kegiatan takmir masjid serta mengeratkan hubungan silaturahim sesama kita.

Tambahnya, penglibatan masyarakat seperti itu dapat menanamkan sikap saling bantu-membantu dalam perkara-perkara yang berkebabjikan dan sekali gus membentuk perpaduan yang kukuh. 30 peratus daripada jumlah keseluruhan sumbangan diserahkan kepada tabung anak-anak yatim dan 70 peratus kepada tabung aktiviti takmir masjid.

Sejumlah BND7,338.37 telah dikutip di Daerah Brunei dan Muara; BND2,086.12 di Daerah Belait; BND4,715.46 di Daerah Tutong dan BND2,087.17 di Daerah Temburong.

Hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid, pengarah-pengarah dan ketua-ketua jabatan di kementerian berkenaan.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar, selaku tetamu kehormat semasa menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima (atas dan bawah).



Cabaran generasi muda masa kini amat berat

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 13 November. - Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh generasi muda masa kini amat berat malah kadangkala dikhuatiri boleh memesongkan mereka dari ajaran agama Islam.

Tambahan lagi ada di antara pengaruh-pengaruh itu yang sukar untuk dikawal atau dihindari kerana ia datang dengan senyap tetapi amat pantas dan berpengaruh.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid berkata, pencarian maklumat daripada laman sesawang (*website*) umpamanya

telah menjadi salah satu cara hidup yang amat berpengaruh dan paling dekat dengan para remaja dan belia hari ini.

Maklumat-maklumat yang diperolehi, ujar beliau, jika tidak disaring dengan ilmu dan iman yang mantap, ianya ditakuti boleh merosakkan akidah dan akhlak anak-anak remaja belia kita.

Berucap pada Majlis Penyampaian Hadaiah Rancangan Televisyen Ihyaul Islam Tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi, bertempat di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah, di sini, beliau seterusnya menegaskan,

“UNTUK menghasilkan sesebuah sketsa atau penceritaan yang bermutu, para pesertanya hendaklah membuat kajian terperinci terhadap sketsa yang akan dilakukan itu, selepas itu memahami dan menghayati sketsa berkenaan, menjiwainya dan barulah dapat melakonkannya dengan baik. Semua proses itu bukan sahaja akan dapat menghasilkan lakonan yang bermutu malah sekali gus akan dapat membentuk peribadi muslim yang sejati.”

kita hendaklah memperbanyakkan lagi rancangan-rancangan dan aktiviti-aktiviti keagamaan seperti rancangan Ihyaul Islam ini dari semasa ke semasa dan sentiasa memperbaiki dan meningkatkan kualiti pengendaliannya agar ianya benar-benar menarik dan menjadi kesukaan kepada para remaja belia kita.

Rancangan seumpama itu, katanya, dapat membimbing para belia ke arah pembentukan insan yang mantap jasmani dan rohani serta mampu meningkatkan disiplin dan jati diri belia.

Ini, jelasnya, adalah kerana rancangan seumpama ini dapat menyuburkan bukan sahaja semangat kerjasama berkumpulan bahkan juga kesefahaman, kesepakatan, semangat tolong-menolong dan bantu-membantu pada perkara-perkara kebajikan.

Selain itu, tambah beliau, ia juga dapat meningkatkan penghayatan terhadap syiar atau ajaran agama Islam kepada remaja dan belia Islam di negara ini.

“Untuk menghasilkan sesebuah sketsa atau penceritaan yang bermutu, para pesertanya hendaklah membuat kajian terperinci terhadap sketsa yang akan dilakukan itu, selepas itu memahami dan menghayati sketsa

berkenaan, menjiwainya dan barulah dapat melakonkannya dengan baik. Semua proses itu bukan sahaja akan dapat menghasilkan lakonan yang bermutu malah sekali gus akan dapat membentuk peribadi muslim yang sejati,” ujarnya.

Pemangku Setiausaha Tetap menambah, manfaat dari sketsa yang dilakukan itu juga akan dapat diraih oleh para penontonnya, khususnya para remaja dan belia kerana yang menyampaikan sketsa dakwah itu adalah dari golongan mereka sendiri, maka tentunya ia dapat menarik minat para remaja belia untuk menontonnya dan mesej yang disampaikan pula lebih mudah difahami.

Sketsa lakonan ini juga, jelasnya, akan dapat memupuk semangat bersaing secara sihat dan setia kawan, di samping dapat memupuk keberanian dan keyakinan diri.

Oleh itu, jelasnya, kemungkinan ada di antara para peserta yang akan menjadi pendakwah yang menarik dan

disukai, kerana mereka telah disemai dengan kaedah-kaedah berdakwah yang berkesan seumpama ini.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid semasa memberikan ucapan pada Pertandingan Sketsa Lakonan bagi Rancangan TV Ihyaul Islam.

HALUAN

Bioteknologi pertanian, perikanan penting bagi transformasi teknologi

Dari muka 2

Salah satu usaha tersebut ialah kejayaan penghasilan udang harimau yang bebas dari penyakit-penyakit tertentu ataupun *specific pathogen free* (SPF) *tiger prawn* yang bermula pada tahun 2006 melalui kerjasama teknikal di antara Jabatan Perikanan dengan Integrated Aquaculture International (IAI), Amerika Syarikat. Hasil percubaan pemeliharaan benih-benih udang harimau ini di kolam-kolam udang pengusaha-pengusaha tempatan yang telah dilaksanakan pada awal tahun ini, telah menunjukkan peningkatan penghasilan udang harimau yang tinggi iaitu daripada hanya satu tan metrik udang sehektar dalam satu pusingan pada tahun 2001 dan kini boleh menghasilkan sehingga enam tan metrik udang sehektar dalam satu pusingan. Peningkatan penghasilan sedemikian sudah tentu dapat membantu para penternak meningkatkan penghasilan mereka dan sekali gus menambah pendapatan baik di pasaran tempatan maupun pasaran eksport.

Terbitan daripada usahasama yang dilaksanakan bersama pakar-pakar akuakultur, Jabatan Perikanan telah berjaya menghasilkan tenaga kerja yang mahir dan dapat menjalankan kerja-kerja pembiakan dan menghasilkan induk-induk udang rostris dan udang harimau yang bermutu tinggi bagi menghasilkan anak-anak udang yang bebas penyakit dan bermutu tinggi bagi keperluan pengusaha-pengusaha udang tempatan.

Justeru itulah, kita melihat peladang, petani, penternak dan nelayan adalah sebenarnya sebagai *rakan untuk kemajuan* (*partner for progress*).

Oleh yang demikian, adalah dinasihatkan kepada para pengusaha agar meneruskan sikap keterbukaan ini dan lebih bersedia menerima dan mengguna pakai teknologi-teknologi yang telah dan akan diperkenalkan di masa akan datang dalam meningkatkan lagi amalan perladangan dan ternakan yang sedia ada.

Bioteknologi pertanian dan perikanan telah dikenal pasti sebagai salah satu isu penting yang sangat diperlukan dalam

proses transformasi teknologi. Kepakaran dalam pelbagai bidang bioteknologi seperti biologi molekul, kejuruteraan genetik, diagnostik dan biokeselamatan dapat menjana teknologi terkini dalam sektor pertanian dan perikanan. Hasil daripada peningkatan teknologi akan membawa kepada peningkatan produktiviti. Langkah ini lebih bersesuaian bagi Negara Brunei Darussalam di mana tenaga kerja adalah terhad dan kawasan yang bersesuaian tidak mencukupi.

Bagi mengakhiri ucapan ini, peramba / kaola / saya juga sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur bersama sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2013 serta semua yang terlibat bagi menjayakan sambutan pada tahun ini.

Dengan lafaz *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan dengan bertawakal kepada Allah Subhannahu Wata'ala, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan Tahun 2013.

Tinjau perkembangan produk MPK Daerah Temburong



PARA peserta kursus bagi pegawai dan kakitangan kerajaan yang akan bersara semasa membuat lawatan di salah sebuah Majlis Perundingan Kampung di Daerah Temburong.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

TEMBURONG, Sabtu, 9 November. - Seramai 35 pegawai dan kakitangan kerajaan yang ketika ini mengikuti kursus di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) membuat lawatan ke beberapa buah Majlis Perundingan Kampung (MPK) di daerah ini.

Lawatan dimulakan dengan taklimat mengenai peri mustahaknya penubuhan Institusi Mukim dan Kampung, disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Semasa taklimat yang diadakan di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan di Pekan Bangar itu, Awang Haji Matusin juga mendedahkan perkembangan produk-produk kampung yang ada di negara ini khususnya di Daerah Temburong.

Rombongan seterusnya dibawa melawat ke MPK Senukoh bagi menyaksikan pengendalian pembuatan mi kuning Biro Wanita MPK Senukoh dan ke MPK Batu Apoi yang aktif dengan pembuatan ambulung.

MPK Belais dan Buda-Buda yang pernah memenangi pingat gangsa semasa Anugerah Kampung Cemerlang Peringkat Kebangsaan tahun 2009 serta MPK Puni yang terkenal dengan pemrosesan telur masin juga tidak ketinggalan dilawati oleh rombongan bakal-bakal pesara tersebut.

Ketika ditemu bual, Pemangku Pegawai Latihan, selaku Penyelaras Kursus Persediaan Bersara, IPA, Awang Haji Noor Hussein bin Haji Mohd. Hussein berkata, lawatan tersebut antara lain bertujuan untuk membuka minda para bakal pesara tentang betapa

pentingnya penyertaan mereka dalam aktiviti kampung.

Dengan adanya lawatan sedemikian, ujarnya, diharap akan dapat menyuntik semangat bakal-bakal pesara yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan untuk meningkatkan usaha dan mempunyai semangat bersosial dan seterusnya mereka akan terus memberikan sumbangan melalui kampung, pertubuhan bukan kerajaan mahupun takmir masjid.

Beliau juga berharap dengan adanya pengisian masa ketika bersara itu nanti akan boleh menyumbang kepada hidup yang lebih bahagia, bermakna dan teratur.

Selain daripada membuat lawatan ke beberapa buah MPK di daerah ini, para peserta kursus juga membuat lawatan ke beberapa perusahaan kecil dan sederhana yang telah berjaya serta beberapa tempat lainnya sepanjang lapan hari kursus diadakan.

'Kain Buruk Berikan Kami' karya bermutu hasil sasterawan negara

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 November. - Drama adalah sebuah adegan atau tontonan dan pertunjukan yang membawa suatu cerita atau kisah dan drama juga adalah sebuah pementasan atau pertunjukan adegan yang disengaja untuk menggambarkan sebuah peristiwa yang disampaikan manusia.

'Apresiasi Teater : Kain Buruk Berikan Kami' adalah merupakan sebuah karya yang dihasilkan lebih kurang 37 tahun iaitu pada tahun 1976 oleh seorang sasterawan negara yang tidak asing lagi iaitu Shukri Zain.

Sebagai penghargaan kepada hasil karya tersebut, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

mengadakan Projek Pantaran Sastera DBP 2013 bertempat di Balai Sarmayuda, DBP, di sini.

'Apresiasi Teater : Kain Buruk Berikan Kami' diselenggarakan oleh Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera bersama Mahasiswa dan Mahasiswi Kursus AS4304 Drama Melayu.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut ialah Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin.

Beliau dalam ucapannya

antara lain menyatakan adalah menjadi harapan, pada masa akan datang supaya para mahasiswa akan dapat menengahkan drama-drama bangsawan lain yang telah diterbitkan oleh DBP seperti Pengiran Bendahara Sakam, Pengiran Muda Mahkota dan lain-lain untuk diangkat ke pentas sebagai tontonan masyarakat bahawa kita kaya dengan karya-karya yang bermutu yang berlatar-belakangkan sejarah.

Di samping itu, tambahnya, karya-karya kontemporari mengenai masyarakat di negara ini juga perlu diketengahkan seiring dengan karya klasik yang dapat membendung masalah sosial yang mempunyai unsur-unsur kemanusiaan

serta nilai sosial antara sesama manusia.

Apresiasi teater tersebut merupakan kumpulan drama yang diterbitkan menjadi sebuah buku oleh DBP.

Cerita ini mengisahkan seorang gadis kampung yang mengubati luka putera mahkota akibat berburu dan putera mahkota jatuh hati kepada gadis tersebut lalu menghadihkannya kain sebagai tanda terima kasih namun kasih tersebut terpaksa dipendamkan kerana darjat yang berbeza.

Cerita ini disulam dengan keadaan dan suasana pemerintahan sebuah negeri dan kehidupan masyarakatnya pada ketika itu dengan mengemukakan beberapa ciri yang dituntut dalam agama.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin semasa berucap pada majlis 'Apresiasi Teater : Kain Buruk Berikan Kami'.

Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara



PEGAWAI Penerangan Kanan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa hadir pada Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara'.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 November. - Dalam usaha menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan lagi siri Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' yang disasarkan kepada para pelajar sekolah rendah di seluruh negara.

Program tersebut diteruskan pagi tadi bagi pelajar-pelajar Tahun 4, 5 dan 6 Sekolah Rendah Pular Ulak (SRPU), di sini.

Atur cara bermula dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan lagu patriotik 'Bendera Negara' beramai-ramai diikuti dengan

taklimat kenegaraan yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Pengiran Emran bin Pengiran Haji Md. Salleh.

Pengiran Emran dalam taklimatnya antara lain menjelaskan secara terperinci mengenai definisi Bendera dan Lagu Kebangsaan, sejarah Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, beliau juga menghuraikan mengenai tujuan dan fungsi negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, di samping menjelaskan tatacara mengibarkan bendera negara dan menyanyikan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis itu, para pelajar juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkan-

lah Dengan Megah Bendera Negara' dan menyertai kuiz berdasarkan dari taklimat yang disampaikan.

Program tersebut bertujuan untuk mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para pelajar Tahun 5 dan 6 terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ke arah kesedaran hidup berbangsa dan beragama berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu ia juga bagi menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar melalui Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Program itu juga dihasratkan untuk memaparkan usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Juga hadir pada program itu ialah Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Ketua Unit Kemasyarakatan Jabatan Penerangan; Dayang Hajah Rosidah binti Haji Ismail, Guru Besar SRPU; Dayang Hajah Fatimah binti Awang Haji Ali serta tenaga pengajar sekolah rendah berkenaan.

Taklimat Kenegaraan ini merupakan projek berterusan Jabatan Penerangan yang telah dilancarkan di keempat-empat daerah yang mana siri pertama diadakan pada 4 Mei 2013 lalu di Sekolah Rendah Serasa, Muara Brunei II.

Kesefahaman, kekuatan asas kewujudan negara yang aman

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah semasa berucap pada Majlis Penutup Irau Aco Lun Bawang Murut Brunei Ke-3.

TEMBURONG, Sabtu, 2 November. - Penduduk di daerah ini merasa sangat beruntung kerana berpeluang mengetahui lebih dekat tentang adat budaya masyarakat puak Murut dengan berlangsungnya Irau Aco Lun Bawang Murut Brunei Ke-3 yang berakhir malam ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutupan sambutan yang berlangsung di ruang legar, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Ketika berucap Awang Haji Abdul Hamid menjelaskan pesta seumpamanya akan mempererat dan mengukuhkan lagi persaudaraan di dalam masyarakat

sebangsanya dalam semua lingkungan peringkat umur terutama bagi generasi baru iaitu belia/beliawanis yang akan jadi pewaris budaya dan identiti masyarakat.

Kepentingan dan penglibatan generasi muda atau belia, ujarnya, adalah sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menyentuh mengenai tema 'Perunggu Bang Sebuleng Rurun', Awang Haji Abdul Hamid berkata, mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat hendaklah sentiasa ditani dan diperkasa dari semasa ke semasa.

Bila adanya perpaduan dalam masyarakat, maka kesefahaman dan kekuatan, tegasnya, akan mudah dicapai.

"Ini adalah salah satu asas atau tiang bagi memastikan kewujudan masyarakat dan negara yang aman dan harmoni," jelasnya.

Majlis diserikan dengan persembahan muzik, tarian dan nyanyian tradisional daripada tiga golongan masyarakat yang hidup dengan rukun damai di daerah ini iaitu Melayu, Murut dan Iban.

Dalam majlis itu Awang Haji Abdul Hamid juga menyempurnakan penyampaian Anugerah Lun Bawang kepada beberapa orang belia Persatuan Lun Bawang Murut Brunei yang berjaya dalam bidang pendidikan.

Sambutan selama dua hari itu dianjurkan oleh Persatuan Lun Bawang Murut Brunei dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Cawangan Daerah Temburong.

Bengkel Fonetik mengembangkannya literasi



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin semasa menyerahkan cenderamata kepada seorang fasilitator dari Malaysia, selaku penceramah undangan pada Bengkel Fonetik sempena Memperkas Budaya Membaca Tahun 2013.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 November. - Dalam usaha mengembangkannya literasi di negara ini, dan bagi menjunjung titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memperkasakan kemahiran membaca, menulis dan mengira, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) tidak kendur-kendur mengadakan berbagai kegiatan di sepanjang tahun 2013.

Sehubungan itu, DBP melalui Bahagian Perpustakaan mengukuhkan Bengkel Fonetik sempena Memperkas Budaya Membaca Tahun 2013 yang disempurnakan perasmianya oleh Pengarah DBP, Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin, bertempat di Balai Sarmayuda, jabatan

berkenaan, di sini.

Dayang Hajah Aminah dalam ucapan perasmianya menjelaskan Bahagian Perpustakaan bukan sahaja menyediakan buku-buku, surat khabar, majalah dan lain-lain bahan bacaan untuk orang ramai, tetapi para pustakawan juga dari semasa ke semasa giat mengadakan berbagai aktiviti yang mendukung Memperkas Budaya Membaca di negara ini.

Dengan adanya Bengkel Fonetik ini tambahnya, akan dapat memberikan kemahiran sistem fonik kepada para peserta yang terdiri dari kalangan guru-guru sekolah kerajaan dan swasta, para pustakawan, serta para pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga para ibu bapa yang bertujuan sebagai persediaan awal bagi projek Awal Literasi yang akan dilancarkan dalam

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka

Majlis Hari Buku Sedunia pada 23 April 2014 dengan memberikan pendedahan awal kepada para peserta bengkel tentang kaedah pengajaran sistem fonik kepada kanak-kanak.

Projek Awal Literasi atau disebut sebagai Bookstart di Negara Eropah, Jepun, China dan Korea terangnya, dilaksanakan bersama oleh KKBS, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan untuk mempelbagaikan lagi kaedah kemahiran membaca awal kanak-kanak yang dapat membina tabiat suka membaca.

"Mendidik anak untuk mengamalkan tabiat suka membaca dan menanamkan semangat untuk terus cinta kepada ilmu akan dapat melahirkan generasi yang mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat di samping dapat mendukung untuk menuju ke arah hidup yang lebih bermaklumat dan dapat meningkatkan budaya membaca di dalam institusi keluarga sekali gus mendukung Wawasan Negara 2035," ujarnya.

Selain itu, beliau juga turut menekankan mengenai bahasa yang pada dasarnya terdiri daripada pasangan huruf-huruf dalam sesuatu perkataan yang dibunyikan sehingga menerbitkan makna, dan selama ini anak-anak sekolah bimbingan

tidak dididik mengenal dan menyebut huruf mengikut sistem abjad atau *alphabet*. Sistem abjad atau *alphabet* ini bukanlah tidak baik, tetapi kurang sesuai kerana sistem ini adalah warisan pendidikan kolonial yang mengutamakan penyebutan bahasa Inggeris.

Manakala dalam bahasa Melayu jelasnya, membunyikan perkataan mengikut bunyi yang mewakili tiap-tiap huruf dalam barisan kata itu dengan sebutan yang jelas serta mengikut darjah sematik tiap-tiap kata berkenaan akan membolehkan pemeran komunikasi memahami dan menanggapi komunikasi yang disampaikan sama ada berbentuk pernyataan atau pertanyaan.

Di samping itu, ia juga dapat memberikan keyakinan untuk dapat menguasai setiap perkataan dan mencapai kecekapan, kemahiran dan mempercepatkan proses membaca kanak-kanak dengan menyemai minat mereka terhadap bahan-bahan bacaan serta berkemampuan menilai tentang perbezaan dan persamaan objek atau gambar termasuk juga dengan bunyi.

Terdahulu, Ketua Bahagian Perpustakaan, Awang Haji Sahari bin Haji Nassar, juga selaku Pengerusi majlis dalam ucapannya menerangkan Bengkel Fonetik yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini sehingga 9 November, bermatlamat antara lain untuk

menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menjaga kepentingan dan menggalakkan masyarakat celik ilmu pengetahuan melalui budaya membaca.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memasyarakatkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Brunei, membudayakan masyarakat mesra perpustakaan, melestarikan pembelajaran sepanjang hayat dan ke arah melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu, bermaklumat dan berpengetahuan.

Oleh demikian, melalui bengkel itu diharapkan para peserta akan dapat meningkatkan kemahiran secara tidak langsung akan dapat menyemai sikap sendiri yang positif, mempunyai komitmen yang tinggi, berwibawa, dan lebih berkeyakinan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai terutama sekali dalam usaha perbudayaan membaca.

Secara tidak langsung juga dapat mengembangkannya literasi dan kebolehan para peserta dalam hal ehwal yang berhubung kait dengan peningkatan budaya membaca ke arah melahirkan paradigma baru dalam perkembangan era globalisasi, di samping untuk sama-sama merealisasikan wawasan negara 2035 iaitu ke arah kehidupan lebih berkualiti, berdaya saing, berkesan dalam nilai-nilai pembelajaran, budaya murni yang melahirkan

generasi berpengetahuan dan mantap dari segi akhlak, keperibadian dan jati diri.

Seramai dua orang fasilitator telah diundang pada bengkel tersebut untuk memberikan ceramah mengenai Kesediaan Membawa Awal - Cadangan dan pengalaman penulis berdasarkan buku 'Ajar Anak Kecil Membaca Awal' dan ceramah mengenai 'Bagaimana kanak-kanak membaca : Membincangkan kaedah-kaedah mengajar membaca untuk kanak-kanak kecil dan Keistimewaan Kaedah Fonik, yang akan disampaikan oleh penceramah undangan dari Malaysia, Haji Othman bin Ahamad (lulusan Bachelor of Arts, Brock University, Canada dan Diploma Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa - UIA) dan Hajah Nik Eliani binti Nik Nawli (lulusan Bachelor of Arts, Farleigh Dickinson University, Canada dan Diploma Pendidikan UIA).

Pada bengkel tersebut, juga turut dimuatkan beberapa siri latihan bengkel antaranya Latihan menyebut bunyi dan teknik asosiasi mengajar bunyi, Teknik asas mengajar satu bunyi dan aktiviti belajar sambil bermain dengan yang berkaitan, Teknik mengajar gabung bunyi, penyediaan kad tarik dan latihan praktikal gabung bunyi, Teknik mengajar kanak-kanak pemulihan, Pengenalan kaedah mengajar membaca dalam bahasa Inggeris dan sistem bunyi dalam bahasa Inggeris dan bermacam lagi.

Bendera Negara, Lagu Kebangsaan lambang kedaulatan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



PEGAWAI Penerangan Kanan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah bin Haji Aliomar menyampaikan hadiah kepada seorang murid Sekolah Rendah Mabohai yang telah berjaya menjawab kuiz tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 November. - Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan perlu dihayati dan dihormati kerana ianya melambangkan perpaduan dan kedaulatan serta keperibadian sesebuah bangsa dan negara.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan menganjurkan Program Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' bertempat di Dewan Sekolah Rendah Mabohai, Brunei I di sini.

Program tersebut menyasarkan kepada murid-murid Sekolah Rendah di seluruh negara yang antara lain bertujuan untuk menggalakkan mereka untuk menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Selain itu, ianya juga bagi menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri para murid melalui Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Hadir pada taklimat itu ialah Pegawai

Penerangan Kanan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan dan Guru Besar Sekolah Rendah Mabohai, Brunei I, Dayang Salinawati binti Md. Zainal.

Program taklimat tersebut dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan diikuti dengan lagu patriotik 'Bendera Negara' dan diteruskan lagi dengan taklimat 'Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' yang disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Awang Mohd. Nizam bin Abdullah.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyatakan mengenai definisi Bendera dan Lagu Kebangsaan, sejarah Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, beliau juga menghuraikan mengenai tujuan dan fungsi Negara dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di samping menjelaskan tatacara mengibarkan Bendera Negara dan Menyanyikan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Para murid juga seterusnya berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan kemudiannya mengikuti sesi kuiz kenali Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara.

Program berakhir dengan penyampaian hadiah kepada murid-murid yang memenangi Kuiz Kenali Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara yang disempurnakan oleh Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan.

Dengan adanya program tersebut akan dapat memaparkan lagi usaha-usaha yang sedia ada dalam menggalakkan para pelajar untuk menghormati serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera.

Para guru harus lebih profesional ketika mengajar



PENOLONG Pengarah Pengajian Islam (Profesional), Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya semasa menyampaikan ucapan sebelum sesi taklimat dimulakan.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 November. - Para guru yang mengajar pelajaran Bahasa Arab dan mata pelajaran Ugama di sekolah-sekolah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkuah (ITQSHHB) diingatkan supaya memberi tumpuan sepenuhnya ketika mengajar agar para pelajar dapat menerima pelajaran dengan baik termasuk mengamalkan bahasa Arab ketika di dalam kelas.

Menurut Penolong Pengarah Pengajian Islam (Profesional), Dayang Hajah Rusita binti Haji Yahya dalam ucapannya antara lain mengingatkan para guru agar lebih profesional ketika mengajar kerana dengan cara itu sahaja para pelajar akan mudah faham pada mata-mata

pelajaran yang diajarkan.

Para guru tambahnya juga perlu mengambil tindakan disiplin yang membina yang dapat meningkatkan keupayaan tahap pembelajaran para pelajar, tetapi bukan tindakan yang mendatangkan ketidaksefahaman dengan guru-guru.

Beliau membuat peringatannya ini ketika berucap pada menghadiri Taklimat Sukatan Pelajaran Bagi Mata Pelajaran Bahasa Arab dan Ugama Di Sekolah-sekolah Arab dan ITQSHHB di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit, di sini.

Taklimat tersebut diadakan untuk memudahkan guru-guru mata pelajaran Bahasa Arab dan Almawad Addiniyyah membuat perancangan dan

pengajaran dengan lebih teratur dan sempurna.

Selain itu, objektif taklimat diadakan untuk menyelaraskan sukatan pelajaran bagi mata-mata pelajaran Bahasa Arab dan Ugama di sekolah-sekolah Arab dan ITQSHHB.

Taklimat tersebut dihadiri oleh seramai 43 orang terdiri daripada pengetua-pengetua, timbalan-timbalan pengetua akademik, guru-guru kanan akademik, ketua-ketua jabatan dan semua guru yang mengajar mata pelajaran Fiqh Islami, Tarikh Islam dan Tauhid Tahun 9, 10 dan 11 di sekolah-sekolah Arab dan ITQSHHB.

Sesi taklimat disampaikan oleh Ketua Unit Sekolah Arab, Dayang Hajah Kulam@ Mariam binti Haji Embran bersama beberapa ahli dengan topik taklimat yang berlainan.

Majlis juga diikuti dengan sesi soal jawab dan penyerahan sukatan pelajaran kepada para peserta taklimat.

MEWUJUDKAN KESELAMATAN SERANTAU Kerjasama ASEAN - Rakan Dialog penting



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa merasmikan Forum Serantau - Ketua-Ketua Pertahanan Universiti-Universiti, Maktab-Maktab dan Institusi-Institusi Ke-17.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 November. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin berkata, ketika ASEAN berusaha ke arah mewujudkan Komuniti ASEAN dalam tahun 2015, semua pendekatan ke arah meningkatkan keselamatan dihasratkan bagi memastikan komitmen serantau dilaksanakan.

Menurutnya, ini terbukti ketika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara itu semasa bertitah pada pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN pada Oktober lepas bahawa ASEAN mesti terus memperdalam hubungan konstruktif bersama rakan dialog dalam usaha mewujudkan keamanan dan kesejahteraan di rantau ini.

Menyedari keadaan ini, mekanisme telah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

diwujudkan bagi menggalakkan sokongan sahabat-sahabat dan rakan kongsi seperti ASEAN + 3, Sidang Kemuncak Asia Timur, Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Plus dan HDUCIM.

Mekanisme-mekanisme ini, jelasnya, merangkumi kerjasama dalam bidang-bidang yang luas seperti bantuan kemanusiaan, bantuan bencana, jenayah rentas sempadan, misi pengamanan dan pengawalan senjata nuklear (*nol-proliferasi*) dan pelucutan senjata, pendidikan dan latihan.

Pemerintah ABDB menyatakan perkara itu semasa berucap merasmikan Forum Serantau - Ketua-Ketua Pertahanan Universiti-Universiti, Maktab-Maktab dan Institusi-Institusi Ke-17, berlangsung di sebuah hotel di Gadong.

"Izinkan saya untuk memberikan beberapa pandangan saya mengenai tema mesyuarat ini. Kertas Putih Pertahanan kami 2011, 'Mempertahankan Kedaulatan Negara : Memperluaskan Peranan Dalam Horizon Luas' menggariskan dasar-dasar, yang cuba untuk memaksimumkan keberkesanan operasi angkatan tentera merangkumi agenda keselamatan yang baru. Langkah-langkah pragmatik termasuk mengukuhkan perancangan operasi bersama dan proses pembangunan keupayaan melalui teknologi dan pembangunan profesional," ujarnya.

Pemerintah ABDB menambah, ia juga menyokong kerjasama keselamatan, kedua-duanya di dalam dan luar rantau ini yang kita telah tunjukkan dalam misi keamanan

pemantauan ('Operasi kestabilan' dalam konteks Maktab Staf ABDB) di Republik Filipina dan Lebanon.

Dalam rangka kerja ADMM/ADMM plus, menurut Pemerintah ABDB, Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah ke-2 Latihan ASEAN HADR dan ADMM Plus HADR / Latihan Perubahan Tentera pada bulan Jun tahun ini, yang mana semua negara ADMM Plus mengambil bahagian.

"Saya gembira untuk mengatakan bahawa latihan telah berjaya dalam meningkatkan kerjasama praktikal ketenteraan untuk peringkat seterusnya," katanya.

Katanya, kita dapat mempelajari daripada penglibatan dalam misi-misi dan latihan-latihan tersebut bahawa angkatan tentera tidak dapat memenuhi sepenuhnya pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan operasi kestabilan.

Ini, jelasnya, membolehkan ABDB dapat melihat kepentingan pendekatan pendidikan dan pembangunan profesional yang bertujuan mengintegrasikan dan memanfaatkan semua instrumen dan agensi kerajaan dalam mencapai matlamat kempen berkenaan.

Forum tersebut dihadiri oleh beberapa buah negara anggota ASEAN dan rakan-rakan dari Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun, Australia, Bangladesh, Kanada, New Zealand, Papua New Guinea, Rusia, Sri Lanka, Mongolia dan Republik Korea.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dan doa selamat dan seterusnya kunjungan muhibah kepada Pemerintah ABDB.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa menghoskan Majlis Makan Malam sempena Forum Serantau - Ketua-Ketua Pertahanan Universiti-Universiti, Maktab-Maktab dan Institusi-Institusi (ARF HDUCIM) Ke-17.

Majlis Makan Malam rai delegasi ARF HDUCIM

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Rabu, 13 November. - Forum Serantau - Ketua-Ketua Pertahanan Universiti-Universiti, Maktab-Maktab dan Institusi-Institusi Kali Ke-17 (ARF HDUCIM) telah berakhir dengan Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis yang berlangsung Royal Brunei Polo and Riding Club Jerudong itu dihadiri oleh ketua-ketua delegasi dan para peserta ARF HDUCIM turut diserikan dengan persembahan tarian dan nyanyian oleh Pasukan Pancaragam ABDB.

Terdahulu dari itu, Majlis Penyerahan Jawatankuasa Pengerusi ARF HDUCIM Ke-18 kepada Republik Korea berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.

Forum tersebut dihadiri oleh beberapa buah negara anggota ASEAN dan rakan-rakan dari Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Jepun, Australia, Bangladesh, Kanada, New Zealand, Papua New Guinea, Rusia, Sri Lanka, Mongolia dan Republik Korea.

Latihan CARAT menangani keselamatan maritim

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MUARA, Khamis, 14 November. - Latihan Kerjasama Kesiapsiagaan di Perairan (CARAT) dihasratkan untuk meningkatkan kerjasama serantau, membina hubungan maritim dan keupayaan ketenteraan negara-negara yang terlibat.

CARAT Ke-19, 2013, melibatkan latihan ketenteraan bersama antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Tentera Laut Amerika Syarikat merangkumi latihan yang berpangkalan di pantai dan laut yang dirangka untuk menangani keselamatan maritim serta meningkatkan operasi di kalangan angkatan ketenteraan yang mengambil bahagian.

Perasmian CARAT disempurnakan oleh Pemerintah Tentera Bersama

ABDB, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit yang berlangsung di Pusat Penyelarasan Serbaguna Kebangsaan, Tentera Laut Diraja Brunei, Muara.

CARAT Brunei adalah sebahagian daripada satu siri latihan dua hala antara Tentera Laut Amerika Syarikat dan tentera daripada sembilan negara-negara rakan kongsi di Asia Selatan dan Asia Tenggara.

Acara latihan dalam setiap fasa CARAT ini direka berdasarkan aset yang ada dan matlamat latihan bersama di seluruh pelbagai laut *capabilities*.

Hadir untuk menyaksikan pelancaran itu ialah Laksamana Cindy Thebaud; Komander Pasukan Petugas



PEMERINTAH Tentera Bersama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit semasa bergambar ramai bersama Laksamana Cindy Thebaud; Komander Pasukan Petugas 73, Tuan Yang Terutama Andy Loftus serta para pegawai kanan yang lain.

73, Tuan Yang Terutama Andy Loftus; Timbalan Ketua Misi ke Brunei Darussalam, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan dan pegawai-pegawai kanan pemerintah tugas gabungan kuasa kapal dari Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat.

Dalam ucapan pembukaan rasmi oleh Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz antara lain menekankan bahawa Latihan CARAT adalah satu peristiwa penting dalam kalendar ABDB, ia berfungsi sebagai salah satu aktiviti interaksi dua hala antara ABDB dan Amerika Syarikat, yang bermula dari latihan kecil ketenteraan dan mudah dan sekarang berkembang menjadi *tri-service exercise* semakin kompleks.

Latihan tersebut, tambahnya, mencerminkan komitmen kedua-dua buah negara dalam hubungan kerjasama ketenteraan dua hala yang mempamerkan latihan itu sangat penting sebagai platform bagi mengeratkan hubungan yang baik dan saling mempercayai antara kedua-dua belah pihak dan boleh menyumbang-kan kesefahaman tentang bagaimana setiap yang terlibat beroperasi dan sebagai pusat berkongsi maklumat dan pertukaran keprofesional.

Latihan seminggu itu akan melibatkan para anggota dan aset dari Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), ia antara lain menjalankan sesi latihan seperti menyelam, mencari dan menyelamatkan, latihan peperangan maritim dan memajukan keupayaan keselamatan maritim.

Latihan Laut CARAT berbentuk dua hala itu juga diadakan di Bangladesh, Kemboja, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Singapura, Thailand dan Timor-Leste bermula sejak tahun 1995.

Tradisi Warisan Ibunda terkenal Kek Batik anak tempatan

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

DI MANA ada kemahuan di situ pastinya ada jalan dan sudah setentunya segala keinginan tersebut hendaklah disertakan dengan semangat yang kental demi mencapai setiap angan dan keinginan kita untuk mencapai kejayaan dan juga keberhasilan.

Pada tahun 1989 merupakan tahun di mana beliau mula melibatkan diri dalam menghasilkan kuih-muih tradisional di bawah tunjuk ajar ibu beliau.

“Bermula ketika remaja, di mana saya sering membantu ibu dan keluarga menjalankan perniagaan dengan menjual Kuih Melayu dan Kek Batik dan dari sini juga saya mula menaruh minat saya dengan mempelajari begitu banyak cara-cara bagaimana ibu membuat kuih-muih dan juga kek tempahan dan jualan, bermula dari sini jugalah timbulnya semangat saya yang begitu mendalam untuk mengikuti jejak langkah ibu saya tersebut.”

Awang Rosihan bin Masri itulah beliau yang lebih dikenali dengan gelarnya iaitu Kak Ros yang juga merupakan nama yang digunakan hasil keluaran beliau sendiri yang berupa Kek Batik Tradisi.

Sebaik saja menceburkan diri

dalam dunia masakan iaitu pembuatan kuih-muih bersama dengan Royal Brunei Catering pada 2 April 2013, Kak Ros melebarkan sayap beliau dengan memperkenalkan produk kek batiknya dengan nama Tradisi Warisan Ibunda.

Ketika ditanya wakil Rencana PELITA BRUNEI dengan maksud Tradisi Warisan Ibunda, jelas Kak Ros Chef di RBC dalam bidang pembikinan kuih-muih terutama sekali kek batik tradisi menjelaskan, Tradisi Warisan Ibunda Kak Ros bermaksud sesuatu ilmu yang kita perolehi dari tangan seorang ibu dan di sini beliau sendiri cuba menonjolkan kebolehannya dengan memulakan resipi yang diperolehi dari ibunda beliau sendiri dan seterusnya diubah suai mengikut cita rasa terkini.

“Bagi saya setiap kemahuan dan semangat untuk mempelajari sesuatu bukan hanya kita perolehi dari mana-mana sekolah yang menganjurkan bidang *culinary* masakan bahkan kita boleh memulakan dari dapur kita sendiri iaitu dapur ibunda dan seterusnya tertakluk kepada diri kita untuk mengubah dan menokok tambah apa yang dirasakan perlu,” jelas

TENTANG hasil dan pendapatan Kak Ros melalui penjualan dan pembuatan Kek Batik tersebut, beliau menjelaskan yang mana hasil jualan yang diperolehi adalah dalam anggaran BND900 membawa kepada BND1,500 sehari, hasil dari beraneka Kek Batik yang terjual dari enam pondok Kak Ros bertempat di Airport Restaurant, Fish & Co, Season Restaurant, Dynasty Restaurant, Emperor's Restaurant dan Cafeteria Kementerian Kewangan serta Café DST, selain hasil dari menerima tempahan untuk majlis hantaran pertunangan, perkahwinan dan untuk dihantar ke saudara-mara di luar negeri.



BEBERAPA jenis Kek Batik hasil ciptaan Chef Ros yang enak dan menarik.

Chef Ros.

Sebagai seorang Chef Pastrri di RBC yang kini kian dikenali melalui Kek Batik beliau, Kak Ros kini mempunyai enam orang pembantu dalam pembuatan kek memandangkan begitu banyak permintaan, tempahan daripada acara-cara persendirian dan juga perkahwinan.

Atas kegigihan dan semangat yang ada pada Kak Ros, RBC melalui restoran-restorannya juga mula dan turut mengedarkan produk-produk Kak Ros setiap nama yang diberikan dan dinamakan ada merupakan semangat dan kebolehan semula jadi.

Jelas Kak Ros pula, dengan mempertaruhkan resipi yang pelbagai dalam pengeluaran Kek Batik yang dihasilkan, beliau percaya ianya akan semakin diminati dan terkenal dalam kalangan peminat pastrri dalam dan luar negara.

“Kami di RBC juga berhasrat untuk menjadikan Brunei lebih dikenali secara global dengan makanan tradisinya terutama sekali melalui resipi Kek Batik saya ini dan salah satu cara di dalam mempromosikannya secara internasional ialah melalui Brunei International Airport,” tambah Kak Ros.

Menurutnya, kenapa Lapangan Terbang Antarabangsa merupakan tempat yang terbaik untuk mempromosikan Kek Batik Kak Ros tersebut selain di tempat-tempat lainnya, jelasnya, kerana Airport merupakan tempat pertama dan terakhir setiap yang datang ke negara ini.

Tambah Kak Ros pula, ada di antara para pelancong yang datang ke negara ini juga berminat membeli Kek Batik beliau untuk dibawa pulang ke negaranya dan di sini juga secara tidak disedari kita berjaya mempromosikan Kek Batik negara kita sendiri sebagai buah tangan untuk dibawa pulang setiap pelancong yang membelinya.

Baru-baru ini RBC melalui Kak Ros turut mempromosikan dua rasa Kek Batik terbarunya untuk para penggemar Kek Batik iaitu Kek Batik perisa kelapa dan juga laici.

Pengenalan bagi kedua-dua kek batik terbaru Kak Ros ini juga adalah bersempena dengan perasmian sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2013 yang berlangsung di Taman Agro Teknologi Brunei di Kampung Tungku yang masih mengekalkan Kiosknnya 'Tradisi Warisan Ibunda'.

Selain dua rasa kek batik terbaru Kak Ros, juga terdapat 12 jenis kek batik lainnya seperti Kek Batik Kak Ros, Kek Batik Nestum, Kek Lapis Brunei, Kek Batik 4 Daerah, Kek Batik Durian dan Kek Batik Chocolate Mint.

Tentang hasil dan pendapatan Kak Ros melalui penjualan dan pembuatan kek batik tersebut,



CHEF Ros menunjukkan beberapa hasil ciptaan Kek Batik pelbagai rasa di Pondok Tradisi Warisan Ibunda.

beliau menjelaskan yang mana hasil jualan yang diperolehi adalah dalam anggaran BND900 membawa kepada BND1,500 sehari, hasil dari beraneka Kek Batik yang terjual dari enam pondok Kak Ros bertempat di Airport Restaurant, Fish & Co, Season Restaurant, Dynasty Restaurant, Emperor's Restaurant dan Cafeteria Kementerian Kewangan serta Café DST, selain hasil dari menerima tempahan untuk majlis hantaran pertunangan, perkahwinan dan untuk dihantar ke saudara-mara di luar negeri.

RBC juga turut mencari para pengedar Kek Batik untuk dijual ke pasar raya-pasar raya di seluruh negara demi memenuhi permintaan orang ramai.

Memandangkan keluaran Kek

Batik dari Kak Ros begitu mendapat sambutan, Kak Ros seterusnya merancang untuk menghasilkan pastrri ala *western* dengan digabungkan dan diolah sedikit gabungan tradisi Brunei.

Atas usaha gigih dan juga sambutan yang amat menggalakkan dan memberangsangkan tersebut, RBC juga akan membuka sebuah kedai yang menggunakan nama TRADISI WARISAN IBUNDA Kak Ros untuk lebih dikenali dan senang dikunjungi oleh peminat-peminat Kek Batik Kak Ros dan seterusnya akan mengeluarkan produk Biskut, Kuih-Muih, Kuih Nyonya, Kek Lapis, Kek Roll dan bermacam-macam lagi, selain menerima dan membuat tempahan untuk hari perkahwinan dan sebagainya.

“BERMULA ketika remaja, di mana saya sering membantu ibu dan keluarga menjalankan perniagaan dengan menjual Kuih Melayu dan Kek Batik dan dari sini juga saya mula menaruh minat saya dengan mempelajari begitu banyak cara-cara bagaimana ibu membuat kuih-muih dan juga kek tempahan dan jualan, bermula dari sini jugalah timbulnya semangat saya yang begitu mendalam untuk mengikuti jejak langkah ibu saya tersebut.”

- Awang Rosihan bin Masri



بليا منوجو واواسن

سجاره جوک تله ميوقتيکن بهوا جنراسي مودا دزمان خليفه الراشدین اداله جنراسي یغ هیبة سفرت منجادي فمیعقین تنرا، دان فمیعقین کراجان دزمانن جوک برتیندق سباکي فمیعقین نکارا. مریک اینله سقاتوتن دجادیکن جنتوه تلادن کفد مشارکة خصوصن فارا بلیا.

أنتارا جنتوه کهيبن بلیا دزمان کراجان أمیه ایاله تننغ ککیکهین تنرا اسلام سحج کراجان أمیه، عبّاسیّه دان عُثمانيّه تُرکي انتوق مناون کوتا إستنبول، والوفون فد مولان کاکل، اکن تنافي تله برجاي فد آخرن مناون سمولا کوتا إستنبول درفد روم. أنتارا فیب کجیان ترسبوت ایاله ترتانم ککیکهین فارا بلیا ترسبوت دان کستیان مریک کفد فمیعقین سرت سماغة جینتاکن نکارا. دسمیعق ایت، کفواتن روحاني جوک تیدق دافة دفسهکن دالم ديري مریک سباکي فمیعقین.

شیخ دکتر يوسف القرضاوی مباتکن، " اقبیل کیت هندق ملیهت واجه سسبواه نکارا فد ماس هدافن، لیهنله جنراسي مودان فد هاري این، سکیران کولوغن مودا هاري این اداله درفد کالغن برأخلاق، تننون سسبواه نکارا ایت اکن داتغ اداله سبواه نکارا یغ امان معمور، تنافي جک کادان اداله سبالیقن. مک برسدیاله انتوق برهدافن دغن کموعکین بوروق یغ اکن برلاکو".

جسزو، تیدق شک لاکي بهوا جورق نیغکه لاکو کولوغن بلیا ماس کین مروفاکن جرمین ماس دغن سسبواه نکارا. کولوغن بلیا بکیتو فنتیغ دالم مبابوا فروباهن درفد نیکیف کفد فوسیتیف، له کفد قوای، موندور کفد ماجو دان ترباک کفد جمرلغ.

سباکي بلیا اسلام هندقله مغوکوهکن علم بوکنن هان دالم بیدغ اکادیمیک سمات ۲، تنافي هندقله جوک مغوکوهکن علم یغ برکایتن تننغ کهدوفن دان نکارا، سفای علم ایت ممفو دافلیکاسیکن باکي ملیهارا کدولتن اکام اسلام، بغسا دان نکارا ترجینتا. ایغتنله بهوا تغکوغجواب انتوق ممقرتاهنکن اکام اسلام اداله امانه یغ مسی دلقسناکن اوله ستیف أومه ترماسوقله دري کولوغن بلیا. بوکتیکنله فد نکارا بهوا بلیا اسلام اداله بلیا یغ ترباک، ممفو منجادي جنتوه دان لایق انتوق میمیقین نکارا دماس هدافن.

ماریله کیت بردعاه مدهمداهن جنراسي بلیا نکارا کیت سنتیاس دبریکن توفیق هدایه اوله الله سبحانه وتعالی دان سزوسن برجاي مماینکن فرانن باکي فمبابونن نکارا دان بغسا یغ ماجو دان دحرماتي سرت دکاسیهي دان دریضیاي الله سبحانه وتعالی. آمین یا رب العالمین.

تفسیرن:

ایغتنله کتیک فمودا ۲ ایت برلیندوغ دالم کوا لالو مریک بردعاه: " یا توهن کامي! کرنیاکنله کامي رحمة دري سسی مودان سمقرناکن باکي کامي فتنجوق یغ لوروس دالم اوروسن کامي.

بکندا سلطان دان یغ دفتوتان نکارا بروني دارالسلام یایت حسرة کاره فمیتونن سبواه نکارا ذکر، حسرة منجافي واواسن ۲۰۳۵، حسرة ددالم مبابونن سومیر تناک مأنسی (بلیا) ددالم بیدغ کأوسهوانن دان حسرة کاره فغجیاتن کونسیف ملایو اسلام براج.

اقبیل دکابوشکن کدوا ۲۱، تیما این مبابوا مقصود بلیا اتو کومقولن بلیا یغ برکرق سجارا اکتیف ددالم منجافي اتو منقني جینتا ۲ نکارا اتو هالا توجو نکارا یایت کاره نکارا ذکر، واواسن ۲۰۳۵، أوسهوانن بلیا دان ملایو اسلام براج سباکي ترس کهدوفن بریغسا دان برمشارکة. اداله منجادي توکس سموا فیهق دان اجینسی یغ ترلیبت انتوق ۲ ممینا دان مهبداکن فرانتارا یغ کوکوه دان قوای باکي ممیریکن کسدانن دان کفهاهن کفد سموا مشارکة عامن دان کفد فارا بلیا خصوصن مغنای حسرة ۲ یغ ایغین دجایی.

سأنداین فارا بلیا دنکارا این ممقویاي واواسن، سوده قسني بلیا ترسبوت اداله بلیا یغ هیبة دان سزوسن اکن منجمین کمعمورن دان کماجوان نکارا دماس هدافن.

برداسرکن سجاره اسلام، رسول الله صلی الله علیه وسلم سلاین سباکي فمیعقین أومه، بکندا اداله ستورغ کتوا نکارا یغ ممیری فنکانن خصوص دالم میمیعیغ بلیا اکر سنتیاس طاعة برعباده کفد الله سبحانه وتعالی، طاعة کفد فمیعقین، سایغ کفد نکارا، برأخلاق ملیا، منجاک کصیحتن عقل، کبرسیهن جسماني دالم سموا سودوت یغ مبابوا کفد کسمقرنان فریادي. بیمیعیغ این اکن منجورقکن جاتي ديري بلیا ایت سنديري اکر برتغکوغجواب کفد اکام، بغسا دان نکارا دان سزوسن منجادیکن بلیا یغ دکاکومي الله سبحانه وتعالی، سباکیمان سبدا رسول الله صلی الله علیه وسلم دالم سبواه حدیث:

مقصودن:

دری عقبه بن عامر کاتن: رسول الله صلی الله علیه وسلم برسبدا: سسغکوهن الله عزوجل ساعة کاکوم کفد فمودا یغ تیدق اد فدان کلاکوان فلیک دان میلیویغ.

ماریله کیت منیغکنکن کتقوان کیت کفد الله سبحانه وتعالی دغن فتوه کیقینن دان کأخلاصن دغن ملاکونن سکل سوروهتن دان منیغکلکن سکل لاراغتن. مدهمداهن کیت منجادي انسان یغ برتقوی دان بریمان سرت سلامة ددنیا دان سلامة دآخرة.

دالم مبابونن دان مبابونن نکارا، کیت مملوکن کفد سومیر تناک مأنسی یغ برکوالیي دان برکماهیرن تیغکی. أنتارا سومیر تناک مأنسی یغ ساعة برهک باکي نکارا اداله کولوغن بلیا. بلیا اداله ساله ساتو أسیت نکارا یغ ساعة برهک، مریک له یغ اکن منجادي توغق کفواتن نکارا سباکي فواریت کفیمیقین دماس دغن، مریک فرلو دأسوه، ددیدیق دان دیمیعیغ دجالن یغ بتول اکر منجادي جنراسي برعلم، بریمان، برعمل، برتقوی دان برأخلاق ملیا کران دغن دمکین سهاجله اکن دافة ملاهیرکن بلیا یغ منجادي سومیر تناک یغ ممفو میومیغ کاره فمبابونن دان کماجوان نکارا. فرمان الله سبحانه وتعالی دالم سورة النحل آية ۹۷:

تفسیرن:

سسایف یغ مغرجاکن عملن یغ صالح سماد لاکي ۲ اتو فرمفوان سدغ دي اورغیغ بریمان، مک سسغکوهن کامي سوده تننو اکن مغهدوفکنن دغن کهدوفن یغ بایک، دان کامي سوده تننو اکن ممبالس مریک دغن کنجانن یغ له بایک درفد اف یغ مریک تله کرجاکن.

بلیا ایاله کولوغن یغ براد دالم لیغکوغن عمور لیم بلس تاهون هیغک أمقه فولوه تاهون. دنکارا کیت، بلیا مروفاکن لیم فولوه فراتوس درفد جمله فندودوق نکارا این. مندغکن جمله ترسبوت سفاروه دري فندودوق دنکارا این، مک أمة واجر کولوغن این ددیدیق دان دیمیعیغ منجادي جنراسي بلیا یغ ممقویاي واواسن دان جینتاکن نکارا. این برتقن دغن تیما سموتن هاري بلیا کبغسان فد تاهون این یایت " بلیا منوجو واواسن ". تیما تاهون این بوکن سقدر سوات تیما سمات ۲ تنافي اف یغ له اوتام ایاله باکیمان فارا بلیا ایت منوجو کفد واواسن ترسبوت.

" منوجو واواسن " ممقویاي فغرتین یغ لواس دان فلباکی. واواسن برمقصود جینتا ۲ نکارا اتو هلا توجو نکارا اتو ساسارن نکارا. سجارا له لواس لاکي اي مروفاکن ساتو فندوان یغ منتفکن ساتو ساسارن نکارا یغ هاروس دجایی دالم سوات تیمقوه ماس ترنتنو. ددالم کونتیک س این، واواسن دسینی مرجوع کفد حسرة کباوه دولي یغ مها ملیا فادک سري

RUMUSAN BARANGAN KEPERLUAN HARIAN MINGGU KEEMPAT 25 NOVEMBER 2013

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	HUA HO (TG BUNUT)	HUA HO (YAYASAN)	FIRST EMPORIUM	JAYA HYPERMARKET	SIM KIM HUAT (KIULAP)	TEGUH RAYA (JLN MUARA)
1	Condensed Milk (Susu Manis Pekat)							
	F&N	390 g	\$1.00	\$1.05	\$1.05	\$1.20	\$1.10	\$1.05
	Milkmaid	388 g	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.10	\$1.05
	Teapot	388 g	-	\$1.20	-	-	\$1.25	-
2	Evaporated Milk (Susu Cair)							
	Cow Bell	400 g	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05	\$1.05
	F&N	400 g	\$1.05	\$1.20	\$1.15	\$1.10	\$1.20	\$1.10
	Ideal	405 g	\$1.45	\$1.45	\$1.45	\$1.45	\$1.45	\$1.45
3	Flour (Tepong)							
	Prima Plain	1 kg	\$2.45	\$2.45	\$2.10	\$2.05	\$2.15	\$2.20
	Green SP Interflour	1 kg	\$1.35	\$1.55	\$1.30	\$1.19	\$1.60	\$1.55
4	Butter/Margarine							
	Golden Churn	340 g	\$4.50	\$4.95	\$4.90	\$4.69	-	-
	QBB	454 g	\$6.10	\$6.10	-	-	\$6.20	-
	Planta Margarine	480 g	\$3.55	-	\$3.40	\$3.50	\$3.39	\$3.50
5	Instant Noodles							
	Maggi Curry	80g x 5	\$1.75	\$1.69	\$1.75	\$1.69	\$1.69	\$1.65
	Maggi Ayam	80g x 5	\$1.75	\$1.69	\$1.75	\$1.69	\$1.69	\$1.65
	Maggi Asam	80g x 5	\$2.10	\$2.10	\$2.00	\$2.10	\$2.10	\$2.00
	Indo Food Mee Goreng	80g x 5	\$1.90	\$1.90	\$1.80	\$1.85	\$1.85	\$1.90
	Indo Mie Mee Goreng	80g x 5	\$1.45	\$1.40	\$1.40	\$1.35	\$1.29	\$1.35
6	Dried Noodles							
	Falcon & Moon Stick Noodle Tai Thong	150 g	\$0.60	\$0.60	\$0.50	\$0.45	\$0.45	\$0.50
	Cap Undang MBS - Medium Flat Sabah	400 g	\$1.90	\$1.90	-	\$1.75	\$1.70	-
	Cap Limau Mee Hoon	400 g	\$1.10	\$1.20	\$1.10	\$0.99	\$1.10	\$1.10
	Wai Wai Oriental Style	400 g	\$1.20	\$1.75	\$1.30	\$1.20	\$1.30	\$1.40
7	Fresh Chicken (Ayam Segar)							
	Whole Chicken (Bulat)	1 kg	\$4.30	\$4.45	\$4.50	\$4.19	\$4.29	\$4.30
	Chicken Drumsticks (Peha)	1 kg	\$6.20	\$6.20	\$6.00	\$6.90	\$4.29	\$6.20
	Chicken Breasts (Dada)	1 kg	\$3.90	\$3.90	\$4.00	\$3.69	\$3.59	\$4.50
	Chicken Wings (Sayap)	1 kg	\$7.90	\$7.90	\$7.60	\$6.99	\$6.99	\$6.90
8	Chicken Eggs (Telor Ayam)							
	1 Dozen (Size)	1 doz	\$2.00	\$2.00	\$2.40	\$3.10	-	\$2.10
	1 Tray (30 biji) (Size)	1 tray	\$5.90	\$5.90	\$6.40	\$6.10	\$5.80	\$5.99
9	Onions (Bawang)							
	Shallot (Bawang Merah)	1 kg	\$3.30	\$2.40	\$2.90	\$2.50	\$2.39	\$2.50
	Garlic (Bawang Putih)	1 kg	\$2.20	\$2.20	\$3.20	\$1.99	\$1.49	-
	Brown Onion (Bawang Besar)	1 kg	\$1.50	\$1.30	\$1.90	\$1.20	\$1.20	\$1.30
10	Cooking Oil (Minyak Masak)							
	Mazola Corn	3 kg	\$14.00	\$13.30	\$11.75	\$12.90	\$12.49	\$13.30
	Naturel Sunflower	3 kg	\$11.80	\$11.80	-	\$10.80	\$7.80	-
	Labour	2 kg	\$5.70	\$5.30	\$4.95	\$4.89	\$4.65	\$4.20
	Labour	5 kg	\$11.60	\$12.10	\$10.50	\$10.39	\$9.50	\$9.20
	Seri Murni	2 kg	\$4.10	\$5.20	\$4.30	\$3.99	\$3.55	\$4.20
	Seri Murni	5 kg	\$8.95	\$8.90	\$12.50	\$8.99	\$8.65	\$8.40
	Sunco	2 ltr	\$4.30	\$5.20	\$4.30	\$4.10	\$4.09	\$4.30
	Sunco	5 ltr	\$9.50	\$9.40	\$9.90	\$9.29	\$9.15	\$9.30
	Sania	2 ltr	\$3.85	\$3.95	\$3.95	\$3.50	\$3.59	\$3.90
	Sania	5 ltr	\$8.95	\$8.90	\$8.80	\$8.50	\$8.65	\$8.95
11	Milo (Malaysia)							
	Nestle Milo	1 kg	\$7.90	\$7.95	\$7.80	\$7.59	\$7.85	\$7.50
	Nestle Milo	1.5 kg	\$12.60	\$12.90	\$13.50	\$12.50	\$12.65	\$12.70
12	Cordial Syrups							
	F&N Sun Valley Grenadine	2 lit	\$5.00	\$4.85	\$4.80	\$4.60	\$4.40	\$4.60
	F&N Sun Valley Rose	2 lit	\$5.00	\$4.85	-	-	\$4.95	\$4.60
	F&N Sun Valley Sarsi	2 lit	\$5.00	\$4.85	-	-	\$4.60	\$4.60
	Ria Kordial Rose	2 lit	\$4.35	\$4.20	\$4.50	\$4.20	\$4.30	\$4.10
	Ria Kordial Sarsi	2 lit	\$4.35	\$4.20	\$4.50	\$4.20	\$4.09	\$4.10
	Rose Brand Rose Syrup Flavour	750 ml	\$3.90	\$3.59	\$3.65	\$3.40	-	\$3.80
13	Sauces (Sos)							
	Habhal Salty Soy Sauce (Cap Kipas Undang)	645 ml	\$3.40	\$3.30	\$2.85	\$2.79	\$2.85	\$3.25
	Habhal Sweet Soy Sauce (Cap Kipas Undang)	645 ml	\$3.65	\$3.50	\$3.00	\$2.99	\$2.99	\$3.25
	Maggi Cilli Sauce	340 gm	\$1.20	\$1.10	\$1.10	\$1.05	\$1.09	\$1.10
	Maggi Tomato Ketchup	325 gm	\$1.15	\$1.05	\$1.05	\$0.99	\$0.99	\$1.00
	Adabi Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$2.30	\$2.30	\$2.10	\$1.99	\$1.99	\$2.10

No.	DESCRIPTION	WEIGHT	HUA HO (TG BUNUT)	HUA HO (YAYASAN)	FIRST EMPORIUM	JAYA HYPERMARKET	SIM KIM HUAT (KIULAP)	TEGUH RAYA (JLN MUARA)
	Nona Oyster Sauce (Sos Tiram)	510 gm	\$1.80	\$1.90	\$1.80	\$1.69	\$1.65	\$2.10
14	Mayonnaise							
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	230 ml	\$2.70	\$2.70	\$2.50	\$2.60	\$2.25	\$2.45
	Real Mayonnaise (Lady's Choice)	470 ml	\$4.55	\$4.50	\$4.40	\$4.15	\$3.85	\$4.80
15	Infant Diapers							
	Drypers - Wee Wee Dry Newborn (Up to 5 kg)	NB 28	\$7.15	-	\$7.50	\$7.70	\$7.50	\$7.20
	Drypers Small (3-7 kg)	S 32	\$7.15	-	\$7.50	\$7.70	\$7.50	\$7.20
	Drypers Medium (6-11 kg)	M 28	\$7.15	-	\$7.50	\$7.70	\$7.50	\$7.20
	Drypers Large (9-14 kg)	L 48	\$12.70	\$13.60	\$12.90	-	\$12.85	-
	Drypers Extra Large (12-17 kg)	XL 40	\$12.70	\$13.60	\$12.90	-	\$12.85	-
	Drypers Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 16	\$7.15	-	\$7.50	-	\$7.50	\$7.20
	Mamy Poko - Newborn (Up to 5 kg)	NB 28+2	\$8.90	-	\$8.90	-	-	\$12.20
	Mamy Poko Small (3-8 kg)	S 48+2	\$16.95	\$16.80	\$16.90	\$15.60	-	-
	Mamy Poko Medium (6-11 kg)	M 44	\$16.95	\$16.80	\$16.90	\$15.60	-	\$15.90
	Mamy Poko Large (9-14 kg)	L 56	\$16.95	-	\$16.90	-	-	-
	Mamy Poko Extra Large (12-17 kg)	XL 50	\$16.95	-	\$16.90	-	-	-
	Mamy Poko Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 28	\$16.95	\$16.80	-	\$15.60	-	\$16.50
	Sealer Newborn (Up to 5 kg)	NB 48	\$8.80	\$8.80	-	-	\$8.80	-
	Sealer Small (3-7 kg)	S 46	-	-	-	-	-	-
	Sealer Medium (6-11 kg)	M 42	\$12.70	\$13.20	-	-	-	-
	Sealer Large (9-14 kg)	L 48	\$12.70	-	-	-	-	\$14.90
	Sealer Extra Large (12 kg above)	XL 42	\$12.90	\$14.80	-	-	\$15.20	\$14.90
	Sealer Sumo Extra Large (15 kg above)	XXL 28	\$11.10	\$11.50	-	-	\$11.80	\$11.50
	EQ Dry- Newborn (Up to 5 kg)	NB 20/22	-	-	-	-	\$3.80	\$3.80
	EQ Dry Small (3-7 kg)	S 40	\$7.80	\$7.80	-	\$10.50	\$7.50	\$7.20
	EQ Dry Medium (6-11 kg)	M 36	\$7.80	\$7.80	-	-	\$7.50	\$7.20
	EQ Dry Large (9-14 kg)	L 48	\$10.40	\$10.55	-	\$10.50	\$10.95	\$10.50
	EQ Dry Extra Large (12-17 kg)	XL 42	\$10.40	\$10.55	-	\$10.50	\$10.95	\$10.50
	EQ Dry Extra-Extra Large (15 kg above)	XXL 24	\$9.00	\$9.00	\$9.20	-	\$8.70	\$8.90
16	Frozen							
	BMC - Chicken Frankfurters	340 g	\$1.99	\$1.99	\$2.10	\$1.99	\$1.95	\$2.00
	Ayamas - Chicken Frankfurters	340 g	\$2.45	\$2.45	\$2.35	\$2.59	\$2.35	\$2.40
	BIFFI Chicken Frankfurters	340 g	-	\$1.50	\$1.65	\$1.45	\$1.25	\$1.40
	BMC - Nuggets	1 kg	\$5.80	\$5.80	\$6.50	\$6.90	\$5.90	\$6.80
	Ayamas - Crispy Nuggets	1 kg	\$8.65	\$8.80	\$8.20	\$8.70	-	-
	FARM'S Best Chicken Nuggets	1 kg	\$5.40	\$5.40	\$5.50	-	-	-
	BMC - Chicken Burger	900 g	\$7.30	\$6.45	\$7.20	\$7.30	\$6.25	\$6.80
	PDS - Chicken Burger	900 g	-	-	-	-	-	-
	BMC - Beef Burger	900 g	\$6.95	\$6.35	\$6.80	\$6.30	\$6.19	\$6.50
	PDS - Beef Burger	900 g	\$7.20	\$7.20	\$6.95	\$7.60	\$6.30	-
17	Canned Preserved Food							
	Yeo's Chicken Curry	145 g	\$1.50	\$1.55	\$1.50	\$1.50	\$1.50	\$1.45
	Rex Chicken Curry	160 g	\$1.50	\$1.50	\$1.60	\$1.50	\$1.50	\$1.40
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Tall	230 g	\$2.30	\$2.30	\$2.25	\$2.10	\$1.95	\$2.30
	Ayam Brand Sardine In Tomato Sauce Oval	215 g	\$2.35	\$2.35	\$2.50	\$2.10	\$2.09	\$2.20
	Smiling Fish Fried Baby Clam with Chili	40 g	\$1.05	\$1.10	\$1.10	\$0.99	\$1.05	\$1.10
	Smiling Fish Crispy Baby Clam	30 g	\$1.15	\$1.15	\$1.20	\$1.15	\$1.05	\$1.15
	Kara Natural Coconut Extract	200 ml	\$1.10	\$1.10	\$1.10	\$1.00	-	-
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Packet	200 ml	\$1.10	\$1.10	\$1.10	\$0.95	-	\$1.10
	Ayam Brand Coconut Milk Blue Tin	270 ml	\$1.80	\$2.30	\$1.70	\$1.65	\$1.70	\$1.80
	Chakoah Coconut Milk Gata	400 ml	\$1.45	\$1.55	\$1.50	\$1.39	\$1.29	\$1.45
	Babu Kitchen Coconut Milk Indo	400 ml	\$1.65	\$1.70	\$1.60	\$1.39	\$1.39	\$1.40
18	Kaya Spread							
	Habhal's Cap Kipas Undang Sri Kaya	240 g	\$1.95	\$2.00	\$2.10	\$1.95	\$1.99	\$1.95
	Nona Kaya dengan telur Omega	180 g	\$1.20	\$1.25	-	-	\$1.20	\$1.15
	Play Basketball since 1965 S'pore	200 g	\$0.95	\$0.95	\$1.90	-	-	-
	Glory Nyonya Kaya Coconut Jam	250 g	\$1.85	\$1.70	-	-	-	-
19	Detergents							
	Ekonomi Handalan Putih Kekal Baru	2.5 kg	\$5.10	\$4.85	\$4.20	-	-	\$4.30
	DAIA Excellent Washing Powder	2.5 kg	\$6.15	\$6.50	\$5.95	\$5.99	\$6.50	\$5.90
	Dynamo Liquid Detergent	1 kg	\$3.50	\$3.80	-	-	\$3.70	-
	Breeze Liquid Detergent	2000 ml	\$5.80	\$5.70	-	-	\$5.90	\$5.80
	Clorox Liquid Bleach	1 lit	\$1.90	\$1.90	\$2.00	\$1.80	\$1.80	\$1.80
	Cocorex Liquid Bleach	1 lit	\$1.60	\$1.60	\$1.70	-	\$1.70	\$1.50

*Harga barang tertakluk kepada stok

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web www.depd.gov.bn

Berkenan berangkat ke Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun Sekolah Al-Falaah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan penganugerahan sijil dan hadiah kepada seorang murid lelaki kelas Kindergarten 3 (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menandatangani buku lawatan. Juga kelihatan ialah putera baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, manakala gambar atas sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat tiba dan berkenan menerima junjung ziarah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima jambangan bunga sejeurus tiba di AFS (kanan), sementara gambar kiri, baginda berkenan menandatangani buku lawatan. Juga kelihatan ialah puteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.



TIMBALAN Pengetua AFS, Hajah Sharifah Mastura Al Sagoff binti Salyed Zain semasa menyembahkan ucapan alu-aluan (kanan), sementara gambar tengah dan kiri, pelbagai persembahan pentas daripada murid-murid AFS menyirikan suasana majlis.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 23 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun 2013 Masihi / 1435 Hijriah dan Penyampaian Sijil Bagi Murid-Murid Kindergarten 3 dan Tahun 6 Sekolah Al-Falaah (AFS).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Auditorium AFS, Kampung Sungai Akar dijunjung oleh Ustaz Sayed Mu'az bin Sayed Hamid Al-Tahir dan Timbalan Pengetua AFS, Hajah Sharifah Mastura Al Sagoff binti Salyed Zain.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, diikuti bacaan Surah Yaa Siin ayat 30 hingga 54 oleh murid-murid gabungan Kindergarten 3 (KG) AFS dan Ban 5 dipimpin oleh anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

Dalam sembah alu-aluan Timbalan Pengetua AFS antara lain menyembahkan, pendaftaran tahun depan amat menggalakkan dan mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa murid kerana kepercayaan mereka terhadap didikan dan pengajaran dunia akhirat yang diajarkan di sekolah tersebut. Selain menyaksikan penyampaian sijil-sijil kepada KG 3 dan Tahun 6 serta hadiah kepada pelajar cemerlang, majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah penghargaan kepada mereka yang mengharumkan nama sekolah.

Jelasnya, tahun ini dua orang murid telah mendapat tempat pertama Kategori 'A' dan 'B' seorang murid tempat kedua Kategori 'A' dalam Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Al-Qur'an Peringkat Nasional sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an yang dikendalikan oleh MABIMS dan seorang murid menjadi johan Pertandingan Pidato Antara Sekolah-Sekolah Swasta Senegara.

Pada majlis tersebut, Kebawah DYMM berkenan mengurniakan penganugerahan sijil dan hadiah kepada murid-murid lelaki seramai 41 orang daripada kelas KG 3 dan murid Tahun 6 dan murid-murid cemerlang Tahun 1 hingga 6 serta para pemenang Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an 2013.

Sementara itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri pula berkenan mengurniakan penganugerahan sijil dan hadiah kepada 41 murid-murid perempuan dari kelas KG 3 dan murid daripada kelas Tahun 6 antaranya termasuk Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah yang terbaik ketiga dari KG 3 perempuan pagi.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima pesambah yang disembahkan oleh Ahli Jawatankuasa Majlis tersebut.

Terdahulu, majlis diserikan dengan beberapa persembahan pentas antaranya sketsa, mari bercerita dan nyanyian nasyid oleh murid-murid kelas KG 2 yang juga disertai oleh anakanda Kebawah DYMM

iaitu Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah.

AFS yang pada mulanya terletak di Jalan Jawatan Dalam, Bandar Seri Begawan telah beroperasi pada 3 April 1995 dengan keramaian 13 murid belajar di kelas Tadika dan membuka cawangan baru di Jalan Ong Sum Ping yang mula beroperasi pada 24 Februari 1998.

Pada awal tahun penubuhannya, AFS mempunyai 126 murid dan jumlah keramaian tersebut meningkat kepada 1,200 orang pada tahun 2001. Untuk menampung keramaian murid, AFS telah membuka cawangan barunya di Ban 5, Kampung Paya, Muluat pada Januari 1999.

Sementara, kompleks baru AFS Cawangan Sungai Akar yang terletak di atas kawasan seluas kira-kira 3.7 ekar telah dirasmikan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 20 Oktober 2011.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun 2013 Masihi/1435 Hijriah dan Penyampaian Sijil Bagi Murid-Murid Kindergarten 3 dan Tahun 6 Sekolah Al-Falaah (AFS), sementara gambar bawah, baginda berduka bersama putera dan puteri baginda berkenan bergambar ramai bersama pengetua dan guru-guru serta kakitangan AFS.



ANAKANDA-ANAKANDA Kebawah DYMM iaitu YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel (kiri) dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah (kanan) menyertai persembahan nasyid.



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(A)
DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT),
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN MENURUT PERATURAN 38(a) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG
SEDANG BERKHIDMAT DI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERATURAN 38 (a)

Syarat-Syarat Am :

(A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.

(C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

SEBUT HARGA ini adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon tempatan (Penduduk Daerah Temburong sahaja) untuk menyewa dan menguruskan Kantin Rumah Persinggahan Kerajaan, Daerah Temburong dengan syarat-syarat berikut:-

1. Sebut Harga adalah untuk tempoh dua (2) tahun mulai dari tarikh perjanjian ditandatangani. Selepas tempoh tersebut, tawaran penyewaan kantin ini akan dibukakan semula kepada orang ramai. Jika penyewa masih berminat untuk menjalankan perniagaan selepas tempoh penyewaan kantin yang akan datang. Walaubagaimanapun, jika prestasi penyewaan Cemerlang, Pegawai Daerah berhak melanjutkan tempoh penyewaan bagi tempoh tidak melebihi 4 tahun (2 penggal)

2. Sebut Harga mestilah menyatakan kadar sewa bagi satu (1) bulan dan juga menyatakan kadar sewa bagi tempoh dua (2) tahun dengan menulis angka-angka diikuti dengan perkataan.

3. Pemohon adalah dinasihatkan supaya mengadakan lawatan dan pemeriksaan ke Kantin

tersebut untuk melihat sendiri keadaan premis, kemudahan, peralatan, perkakas dapur dan sebagainya yang ada disediakan di kantin tersebut sebelum menghadapkan Sebut Harga. Pemohon juga adalah bertanggungjawab untuk menyediakan sendiri peralatan dan keperluan-keperluan dapur, alat-alat pencuci pinggan mangkuk dan lain-lain keperluan (jika tidak ada disediakan).

4. Pemohon yang berjaya dikehendaki menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut:-

- a) Khidmat layanan dalam (Waiter-Service)
- b) Khidmat layanan sendiri (Self-Service / Buffet-Type)
- c) Khidmat pesanan luar (Outside Catering)
- d) Menyediakan berbagai jenis makanan dan minuman termasuk makanan tengahari dan malam yang bersih dan halal mengikut Hukum Islam.
- e) Menjalankan perkhidmatan dari jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.

5. Pemohon yang berjaya hendaklah menyediakan bilangan pelayan dan pekerja yang beragama Islam yang mencukupi. Berpakaian kemas dan bersih, mempunyai budi-pekerti yang baik, bersopan santun dan menghormati pelanggan, sihat dan tidak menghidap penyakit yang berjangkit dan lain-lain dengan mendapatkan sijil kesihatan daripada Jabatan Kesihatan.

6. Borang tawaran hendaklah disertakan de-

ngan keterangan yang lengkap mengenai dengan pengalaman pengurusan sebuah kantin serta senarai makanan, minuman dan jenis masakan yang akan dijual termasuk harganya. Salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan Bab 16 & 17 hendaklah juga disertakan.

7. Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memastikan makanan-makanan, alat-alat tempat memasak, kawasan kantin dan lain-lain yang berkaitan sentiasa dalam keadaan bersih.

8. Pemohon adalah dipertanggungjawab untuk menjaga keselamatan keatas harta benda yang disediakan. Jika didapati terdapat kerosakan akibat kelalaian / kecuaiannya pemohon / penyewa maka pemohon / penyewa adalah dikehendaki untuk mengganti / membaikpulkannya sendiri.

9. Sebut Harga mestilah ditulis dengan betul dan jelas dan dimasukkan ke dalam surat yang tertutup rapi (sealed) tanpa menunjukan sebarang pengenalan diri pengirim. Diluar sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan jelas dan terang perkataan 'SEBUT HARGA PENYEWAAN KANTIN JABATAN-JABATAN KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG'

10. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga, Tingkat Bawah Jabatan Daerah Temburong dan dialamatkan seperti berikut :-

KEPADA :

PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUT HARGA JABATAN DAERAH TEMBURONG,

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI,
DAERAH TEMBURONG PA1351,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

11. Tarikh tutup menghantar Sebut Harga ialah pada hari **Sabtu, 30 November 2013, jam 2.00 petang.** Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

12. Sekiranya pemohon yang telah berjaya didapati gagal mematuhi syarat-syarat Sebut Harga dan perjanjian penyewaan yang telah ditetapkan, maka Jabatan ini berhak untuk membatalkan kebenaran penyewaan yang telah diberikan;

13. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memberi kebenaran kepada mana-mana tawaran yang paling tinggi atau mana-mana tawaran lainnya;

14. Syarat-syarat lain adalah sepertimana yang terkandung dalam Surat Perjanjian Penyewaan Kantin Rumah Persinggahan Kerajaan Daerah Temburong Yangmana Akan Ditandatangani diantara Pemohon yang berjaya dan Pegawai Daerah.

15. Borang Sebut Harga dan keterangan lanjut bolehlah didapati daripada **Penolong Pentadbir, Bahagian Pentadbiran, Tingkat II Jabatan Daerah Temburong pada waktu Pejabat atau melalui telefon 5221265 / 266 / 522 / 231.**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAF-TAR DI DALAM KELAS I, II & III SAHAJA DI BAWAH KATEGORI B01 SAHAJA

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran pada : 2 Disember 2013 (Isnin)
Tarikh tutup pada: 10 Disember 2013 (Selasa) Hingga Jam: 2.00 petang
BIL : JKR/DTS/29/SAR/2013-T/II CADANGAN UNTUK LIF TAMBAHAN, PUSAT SEJARAH, BANDAR SERI BEGAWAN
JUMLAH YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAF-

TAR DI DALAM KELAS II, III & IV DI BAWAH KATEGORI KBP11 SAHAJA

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran pada : 3 Disember 2013 (Selasa)
Tarikh tutup pada: 17 Disember 2013 (Selasa) Hingga Jam: 2.00 petang
BIL : JKR/DTS/31/STE/2013-T/III STRUCTURAL STRENGTHENING & STRUCTURAL REPAIR WORKS FOR DEPARTMENT OF ROAD BUILDING, PWD, OLD AIRPORT, BANDAR SERI BEGAWAN
JUMLAH YURAN TAWARAN : BND50.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga

Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat yang dinyatakan dalam Ndokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja

Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

TENDER NO. RTB/K/69/GS/2013 - GRASS CUTTING AT RTB NEW BROADCASTING COMPLEX, SG. AKAR, RTB TUTONG STUDIO & RTB KB STUDIO

Bayaran Tawaran : BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup: 11 Disember 2013

TENDER NO. RTB/K/70/GS/2013 - GRAS CUTTING AT RTB SERASA TRANSMITTER STATION

Bayaran Tawaran : BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup: 11 Disember 2013

TENDER NO. RTB/K/71/GS/2013 - THE RENTING AND OPERATING OF RTB CANTEEN AT RTB HEAD

QUARTER, BSB

Bayaran Tawaran : BND10.00 (tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup: 11 Disember 2013

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada semua pemborong-pemborong yang mempunyai sijil pendaftaran kontraktor, berdaftar dalam kelas I ke atas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari **Pejabat Jurutera Perkhidmatan-Perkhidmatan Am, Tingkat 6, Bangunan Radio Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam** dengan menunjukkan resit pembayaran semasa waktu-waktu bekerja biasa dengan bayaran sebanyak **BND10.00 (tidak dikembalikan)**.

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat biasa yang tertutup, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong. Bagaimanapun Bilangan Nombor Rujukan Tawaran (Tender Reference No.) dan tarikh tutup hendaklah ditulis dengan jelas.

4. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Rabu, 11 Disember 2013, jam 2.00 petang.**

5. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan kepada:

PENGARAH

**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI,
JALAN ELIZABETH II
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610
NEGAA BRUNEI DARUSSALAM**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8610.**

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan

TIDAK akan dilayan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Salinan Sijil Perniagaan yang masih sah laku mestilah disertakan bersama.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

10. Pembayaran yuran tawaran hendaklah dibayar sama ada dengan Wang Tunai atau Cek Tempatan.

11. Wakil syarikat yang hadir mengambil dokumen tawaran hendaklah wakil yang dibenarkan oleh syarikat berkenaan dan hendaklah membawa bersama surat pengesahan dari syarikat dan Kad Pengenalan wakil untuk rujukan jabatan sebelum dokumen tawaran diserahkan.



**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN KEHAKIMAN NEGARA
JABATN PERDANA MENTERI**

IKLAN SEBUT HARGA

**1. BILANGAN SEBUT HARGA :
JKN/BPB/23/2013**

KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT KAWASAN DAN SEKITARNYA BANGUNAN MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH BANDAR SERI BEGAWAN, BAGI TEMPOH 24 BULAN

**Tarikh terakhir Mendapat Dokumen :
11 DISEMBER 2013**

Tarikh Tutup :

Hari Selasa, 17 Disember 2013

Syarat-Syarat Sebut Harga :

1. SEBUT HARGA adalah dibukakan kepada pemborong/syarikat yang berdaftar di

Negara Brunei Darussalam dan mempunyai sijil Pendaftaran Akta Nama-Nama Perniagaan (Section 16 dan 17) yang sah.

2. Sebut Harga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan hanya menyatakan tajuk Sebut Harga yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dengan ditujukan kepada :-

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kehakiman Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Pintu 'C', Tingkat 1**

**Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah
Jalan Stoney, Bandar Seri Begawan
BS8610, Negara Brunei Darussalam**

3. Sebut Harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga yang disediakan di Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan**

tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 17 Disember 2013.

4. Yuran Sebut Harga adalah **\$5.00 (Lima Ringgit Brunei Sahaja)** bagi setiap sebut harga dan tidak akan dikembalikan kepada pemborong / syarikat sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar sebut harga yang sah (bon-finde quotation).

5. Yuran Sebut Harga boleh dibayar melalui Kaunter Bahagian Kutipan Hasil di Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan pada hari dan waktu yang dinyatakan di bawah :

Isnin - Khamis :

8.00 pagi - 12.00 tengah hari

2.00 petang - 3.15 petang

Sabtu :

8.00 pagi - 10.30 pagi

6. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di **Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kehakiman Negara, Tingkat 1, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan, BS8610 Negara Brunei Darussalam** dengan membawa resit bayaran bagi

yuran sebut harga berkenaan.

7. Pemborong/syarikat yang ikut serta dikehendaki menghantar dokumen Sebut Harga dalam dua (2) salinan berserta dengan keterangan yang berkaitan dengan sebut harga dan salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta - Akta Nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Name Act) mestilah disertakan.

8. Sebut Harga-Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat atau menerima sebut harga yang terendah atau lain-lain sebut harga yang tidak perpatutan.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut mengenai sebut harga ini bolehlah berhubung terus Haji Omar bin Haji Mohd. Daud, Bahagian Pengurusan Bangunan Jabatan Kehakiman Negara melalui telefon 81442859 atau Awang Kamis bin Haji Tamit melalui talian telefon 8822325.

 <p>WAKTU PERKHIDMATAN Ahad-Khamis : 8.00 pagi - 5.00 petang Sabtu : 9.00 pagi - 5.00 petang Jumaat dan Hari Kelepasan Awam : Tutup</p>	 <p>PERPUSTAKAAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAHANGANI MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</p> <p>Pekan Muara Telefon : 2770787 2770788</p>	<p>بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ</p>  <p>Jadual Aktiviti Cuti Persekolahan Penggal ke-IV DISEMBER 2013</p> <p>Tarikh: 2 Disember 2013 hingga 14 Disember 2013</p> <p>Tempat: Bilik Kegiatan (Kanak-Kanak) Bilik Mesyuarat (Muda-Mudi)</p>
--	--	--

<p>aktiviti kanak-kanak ISNIN 2 DISEMBER 2013 Mewarna Lukisan</p> <p>SELASA 3 DISEMBER 2013 Teka Silangkata</p> <p>RABU 4 DISEMBER 2013 Tulisan Jawi</p> <p>KHAMIS 5 DISEMBER 2013 Lawatan Kebalai Bomba Berakas</p> <p>SABTU 7 DISEMBER 2013 Bisik-Bisik</p> <p>ISNIN 9 DISEMBER 2013 Kraftangan</p> <p>SELASA 10 DISEMBER 2013 Kuiz Am</p> <p>RABU 11 DISEMBER 2013 Bijak Matematik</p> <p>KHAMIS 12 DISEMBER 2013 Lawatan Ke Lumut Kem</p> <p>SABTU 14 DISEMBER 2013 Treasure Hunt</p>	<p>PERINGATAN</p> <p>Aktiviti Kanak-Kanak Isnin hingga Khamis : 9.00 - 11.00 pagi Sabtu : 9.30 - 11.00 pagi</p> <p>Aktiviti Muda Mudi Isnin hingga Khamis dan Sabtu : 2.00 - 4.00 petang</p> <p>Lawatan Kanak-Kanak dan Muda Mudi 8.00 pagi hingga selesai</p> <p>sila bawa kelengkapan alat tulis dan pensil warna sendiri</p>  <p>* Semua Aktiviti akan dilaksanakan tertakluk pada perubahan dari masa kesemasa</p>	<p>aktiviti MUDA MUDI ISNIN 2 DISEMBER 2013 Kraftangan</p> <p>SELASA 3 DISEMBER 2013 Bakat</p> <p>RABU 4 DISEMBER 2013 Bisik-Bisik</p> <p>KHAMIS 5 DISEMBER 2013 Lawatan Kebalai Bomba Berakas</p> <p>SABTU 7 DISEMBER 2013 Kuiz Am</p> <p>ISNIN 9 HINGGA RABU 11 DISEMBER 2013 Bengkel Lukisan Kartun</p> <p>KHAMIS 12 DISEMBER 2013 Lawatan Ke Lumut Kem</p> <p>SABTU 14 DISEMBER 2013 Treasure Hunt</p>
---	--	---

Hak asasi menyangkut hak Allah

Berita dan Foto :

Ihsan Bahagian Penerbitan dan Penerangan,
Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa membentangkan Kertas Kerja.

HAK asasi bukanlah hak mutlak manusia sendiri kerana manusia itu bukan pemilik sepenuhnya kepada dirinya, dalam makna dia tidak ada hak penuh ke atas dirinya, melainkan ada pihak lain yang turut berhak iaitu Allah Subhanahu Wata'ala.

Allahlah yang lebih berkuasa menentukan setiap hak, termasuk hak kita manusia, dan manusia tidak boleh lari dari kriteria, peraturan dan kehendak Allah, kerana itulah istilah *ikut suka hati sendiri*, tidak ada dalam kamus Islam.

Demikian dijelaskan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika membentangkan Kertas Kerja bertajuk 'Hak Asasi Sejagat Dari Perspektif Islam' dalam Forum Hak Asasi Sejagat anjuran Majlis Universiti Islam Malaysia (MUIM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diadakan pada 16 Muharam 1435 Hijriah bersamaan 20 November 2013 Masihi, bertempat di Hotel Marriott, Putrajaya Malaysia.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa kita manusia ini adalah milik Allah, sebab itu manusia diharamkan membunuh diri, walaupun nyawa-nyawanya, duduk di dalam dirinya, namun dia tidak bebas untuk melakukan apa saja menurut mahunya, seperti membunuh diri, kerana diri dan nyawa itu bukan milik mutlaknya tetapi milik Allah, selaku amanah.

Menurut Yang Berhormat, sifat *milik* tidak boleh tidak mesti takluk di bawah *pemilik* dan pemilik tetap berhak ke atas milik.

"Selaku milik, ia tidak boleh bebas sebebannya. Umpamanya: Kita ada sebaran ayam milik kita. Selaku milik, ayam-ayam itu tidaklah boleh sesuka mereka memasuki dapur dan makan apa saja, sekalipun mereka ada hak untuk makan. Ya, hak ayam untuk makan tidak dapat dinafikan, tetapi bukanlah dengan cara menceroboh dapur tuan untuk mendapatkan makanan. Bukan saja ayam, malah lain-lain binatang juga sama-sama mempunyai hak untuk makan, kerana itulah Sayyidina Umar bin Al-Khattab *radhiallahu 'anh* sampai menangis apabila melihat kambing-kambing kurus kerana kurang makan," tegas Yang Berhormat.

Hak Asasi Turut Menyangkut Hak Allah Ta'ala

Untuk melihat alasan yang mengatakan hak asasi itu turut menyangkut 'hak Allah Ta'ala', Yang Berhormat mengajak kita melihat

firman Allah di dalam Surah Az-Zariat ayat 56 yang tafsir-Nya: "Dan tiadalah Aku jadikan makhluk jin dan manusia melainkan untuk menyembah-Ku jua."

Di sini, tegasnya, hak kita manusia turut tersangkut hak Allah Ta'ala (sebagai wajib menyembah-Nya), bukan untuk sebebannya berbuat apa saja, termasuk boleh jadi *freethinker*.

Perspektif Islam tentang bebas ini, tegas Yang Berhormat, tetap dikawal oleh peraturan, undang-undang dan disiplin iaitu 'Hukum Syara' dan di sinilah hak Allah itu, sementara hak kita hanyalah untuk menerima dan mengikutnya sahaja.

Perspektif macam inilah, tegasnya lagi, tidak terdapat pada orang lain yang hanya nampak kebebasan atau demokrasi semata-mata.

"Jika tidak ceria atau selesa pada mereka, maka diangaplah ia menyalahi hak asasi. Kerana itulah hingga tudung kepala perempuan pun, dianggap melanggar hak asasi manusia, dilihat sebagai satu penindasan terhadap kaum hawa ini. Inilah peliknya perspektif mereka itu," jelasnya.

Tonggak Hak Asasi Barat dan Puncunya

Menurut Yang Berhormat, sering disebut-sebut orang, bahawa hak asasi itu bertolak daripada Barat dan tonggak pertamanya ialah Ingeris, berpunca dari rasa tidak puas hati terhadap kaum bangsawan sehingga membawa lahirnya satu perjanjian yang disebut Magna Charta atau Piagam Agung pada 15 Jun 1215, yang dasarnya membataskan kuasa raja dan mengangkat hak asasi manusia lebih penting daripada kedaulatan raja.

Pergerakan di Ingeris ini, katanya, telah mengilhami banyak negara lain, misalnya Amerika, Presiden Franklin D. Roosevelt dalam ucapannya di hadapan Kongres pada 6 Januari 1941 telah menggariskan empat jenis kebebasan iaitu 1. Kebebasan untuk bercakap dan melahirkan pendapat (*freedom of speech and expression*); 2. Kebebasan memilih agama (*freedom of religion*); 3. Kebebasan dari ketakutan/kebingungan (*freedom of fear*) dan 4. Kebebasan dari sebarang kekurangan dan kelaparan (*freedom from want*).

Perbezaan: Perspektif Barat dan Islam Tentang Hak Asasi Manusia

Dalam perspektif Barat, katanya, hak asasi manusia itu adalah bersifat *anthropocentric*, iaitu manusia menjadi ukuran segala-galanya dan dalam konteks ini, nilai utama ialah seperti demokrasi, kebebasan sosial dan ekonomi, semuanya bermula dari manusia dan berakhir juga kepada manusia.

Sementara perspektif Islam pula, tegasnya, adalah bersifat *theocentric*, iaitu segala-galanya mesti bertolak daripada Al-Qur'an dan al-Hadits, manusia hanya untuk menerima dan berusaha bagi mematuhi segala perintah iaitu perintah Allah dan dengan itu, meletakkan kita manusia tidak boleh bebas sebebannya.

"Kebebasan itu di sini mesti dipandu oleh syara'. Kita boleh bebas makan tetapi makan yang halal. Boleh bebas minum tetapi juga minum yang halal. Boleh bebas bergaul lelaki dan perempuan tetapi dalam lingkungan mahram. Boleh bebas berpakaian tetapi mesti menutup aurat. Boleh bebas mencari kelebihan tetapi bukan dengan cara menerima rasuah. Boleh bebas bersuara dan



BARISAN para pembentang kertas kerja dan juga tetamu kehormat yang hadir pada 'Forum Hak Asasi Sejagat' terdiri dari kiri, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz; Pengerusi MUIM, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor; Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom mewakili Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin; Yang Di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang dan mantan Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Hamid Mohamad ketika perasmian forum tersebut.

menulis tetapi bukan untuk menghasut, memfitnah, berbohong dan mengaibkan orang lain.

"Ini semua memang dalam lingkungan hak kita manusia. Kita berhak selaku pemilik, tetapi bukan milik mutlak, melainkan di sana masih ada hak Allah turut menyangkut. Malah Dialah (siapa) yang lebih berhak menetapkan batas-batas (hukum-hukum) tertentu untuk dipatuhi," tegasnya.

Ini Hak Asasi Islam

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, dengan terperinci Islam telah menggariskan *hak* itu dalam lima sendi yang disebut sebagai Maqasid Syar'iah iaitu hak yang wajib dipelihara dan jika kesemuanya dapat dipelihara, bermakna terpeliharalah hak asasi.

Jelasnya, lima sendi yang wajib dipelihara itu ialah (1) Ugama; (2) Nyawa; (3) Akal; (4) Nasab (keturunan) termasuk Nama Baik dan (5) Harta.

Dalam memelihara Ugama, Yang Berhormat mengingatkan *beragama* adalah fitrah semula jadi manusia dan kerana itu secara automatik ia adalah menjadi hak kepada mereka.

Selaku hak, tegasnya, sudah semestinya tidak siapa pun boleh memaksa atau dipaksa dalam perkara beragama itu.

Mengambil panduan dari Al-Qur'an dan perbuatan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri, Islam itu, jelasnya, hanyalah ia didakwahkan bukan dipaksakan, diseru manusia kepadanya dengan cara yang baik dan nasihat.

Dalam memelihara nyawa pula, tegasnya, nyawa sendiri dan nyawa orang lain sama-sama dipelihara dan dilindungi iaitu dengan tidak mencabuli dan membinasakannya.

Menurut Yang Berhormat, haram dan berdosa besar membunuh diri, apa lagi terhadap nyawa orang lain sehingga ke atas pembunuh disediakan hukuman *qisas* (dibalas bunuh juga). Adapun peluang untuk hidup tidak syak lagi, adalah, menjadi hak bagi semua orang.

Memelihara Akal adalah satu lagi hak utama yang wajib dipelihara. Memeliharanya bagi diri sendiri juga membawa impak kepada orang lain. Kerana itu, tegas Yang Berhormat, ia menjadi hak asasi yang sebenar-benarnya kerana akal seseorang kalau binasa, bukan saja diri peribadinya jatuh harga, malah sekali gus, boleh menyebabkan orang lain juga terjejas kerananya. Jadi bercakap mengenai hak asasi, adalah tidak lengkap kalau mengabaikan faktor *akal* ini.

Memelihara nasab dan nama baik juga menyangkut hak asasi. Nasab (keturunan) itu, tegas Yang Berhormat, adalah kemuliaan dan menjadi paling penting dalam kehidupan.

"Tanpa nasab tidak akan dikenali siapa kita. Nasab mesti halal dan suci. Nasab yang diiktiraf hanyalah nasab yang dibina dengan *'aqad nikah* yang sah. Inilah nasab yang wajib dipelihara itu. Ia mesti dipertahankan dan mesti ditolak segala bentuk anasir yang cuba-cuba merosakkannya. Nasab dalam acuan inilah yang wajib ditatang. Kita berhak berbangga dengannya dan berhak mempertahankan atau melindunginya, selaku hak asasi itu.

"Adakah ini terdapat dalam perspektif Barat? Rasanya tidak. Bukankah dalam masyarakat orang lain, cuma mementingkan asal berlaku *kelahiran*: Itulah nasab. Seorang wanita melahirkan anak dari seorang jejak yang telah menidurinya walaupun tidak bernikah, anak tersebut diiktiraf sebagai anak yang sah. Tetapi Islam tidak begitu. Malah ia turut dianggap menjejaskan nama baik," jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, *Nama baik* sangat-sangat dipentingkan oleh Islam, kerana itu ia juga dikategorikan sebagai hak asasi dan semua orang adalah berhak kepada nama baik dan berhak pula memeliharanya, bahkan hukum Tuhan juga adalah melindunginya.

Yang Berhormat menegaskan, ugama Islam melarang dari membuka-buka aib orang, nama adalah kehormatan dan kemuliaan, sementara membuka aib boleh mencacatkan nama dan kehormatan orang yang dibuka itu.

"Pada nama itu tidak diragukan lagi, ada *nilai* tersendiri iaitu dengannya orang jadi mulia atau sebaliknya. Begitulah hebatnya nama. Ia juga menyangkut perkara maruah. Menjatuhkan nama baik bererti juga menjatuhkan maruah. Kerana itu selaku hak asasi, ia haram dicabuli. Mencabulinya bermakna melanggar hak asasi," tegas Yang Berhormat.

Dalam memelihara harta, tidak ada orang yang menafikan hak untuk memiliki dan mencari harta serta terlibat dalam kepentingannya, semua orang adalah berhak untuk memiliki, mencari dan menggunakannya. Lalu dengan itu, tegas Yang Berhormat, tidak syak lagi, ia adalah sebahagian dari hak asasi itu maka mencabulinya bererti melanggar hak asasi.

Pendeknya dalam Islam, tegas Yang Berhormat, hak asasi itu terdapat dalam semua sudut kehidupan, bukan seperti orang lain melihatnya hanya mengikut *rasa hati* secara sempit, seperti antaranya paling dibesar-besarkan oleh para pendukung dan pemantau hak asasi itu ialah tentang keadilan dan demokrasi, tetapi dalam masa yang sama mereka juga sering dilihat mengabaikan malah mencabuli keadilan dan demokrasi itu.

Begitu juga, katanya, mereka lantang menyuarakan kebebasan

bercakap atau mengeluarkan pendapat atau menulis dan sebagainya, tetapi dalam masa yang sama mereka juga sering dilihat tidak konsisten dan malah retorik semata-mata.

"Dari sudut *perikemanusiaan*, saya ingin memetik titah Sultan Brunei Darussalam sempena Awal Tahun Hijriah 1435, titah baginda: Human Rights orang lain, jika kuda mereka sakit, mereka tembak. Tetapi Human Rights kita orang-orang Islam, jika binatang peliharaan kita sakit, kita tidak bunuh tetapi rawat. Manakah yang lebih berperikemanusiaan, membunuhkah atau merawat?" Tegasnya.

Perasmian dan Objektif Forum

Forum Hak Asasi Sejagat telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Haji Baharom mewakili Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin.

Sebanyak lima buah kertas kerja telah dibentangkan di dalam forum tersebut. Antara yang turut membentangkan kertas kerja pada seminar tersebut termasuklah Menteri Besar Perak, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zamry bin Abdul Kadir dan mantan Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Abdul Hamid Mohamad.

Objektif utama forum ini antara lain adalah untuk memperkenalkan konsep hak asasi sejagat sebagai konsep yang penting dalam mengimbangi neraca dengan lebih adil, di samping untuk memperbetulkan kefahaman masyarakat mengenai pentingnya hak asasi sejagat dan perbezaannya dengan hak asasi manusia.

Forum selama sehari ini bertemakan 'Kebijaksanaan Global Wadah Hak Asasi Sejagat'.

Sementara itu ketika Majlis Ramah Mesra dan Makan Malam di kediaman Pengerusi MUIM, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor, Yang Berhormat telah menyentuh mengenai bersaudara kerana Allah.

Yang Berhormat berkata, bersaudara kerana Allah itu sangat tinggi nilainya.

Menurut Yang Berhormat, kalau bersaudara senasab terjadi dengan akad nikah dan menjalani proses akad nikah oleh jurunikah, tetapi bersaudara kerana Allah tidak begitu, kerana akad itu oleh Allah sendiri.

Menurut Yang Berhormat lagi, sayugia diingat, anak ibu anak bapa, kadang-kadang tidak berdiri sebelah kita dalam susah, tetapi bersaudara kerana Allah, mereka tidak berganjak dari menjadi pencinta dan pembela kita.

Pusat Pembelajaran dan Perkembangan Kesihatan realisasikan strategi hospital

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



KETUA Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif menyerahkan kunci bangunan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Suri Seri Begawan, Awang Mohamad bin Haji Abd. Hamid.

KUALA BELAIT, Khamis, 21 November. - Hospital Suri Seri Begawan (SSB) semakin berkembang maju dengan bertambah lagi sebuah bangunan, Pusat Pembelajaran dan Perkembangan Kesihatan yang telah siap dibina.

Majlis Penyerahan Anak Kunci Bangunan tersebut dan diselenggarakan dengan Majlis Doa Kesyukuran bagi bangunan tersebut serta Majlis 41 Kali khatam Al-Qur'an Sempena Sambutan 41 Tahun Perkhidmatan hospital berkenaan telah diadakan di bangunan tersebut.

Tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif.

Majlis Penyerahan Kunci Bangunan disampaikan oleh Pengurus Projek Syarikat Selapon Sendirian Berhad, Joseph Folloso kepada Sylvia Liew Yun Yen bagi pihak Thomas Liew dan keluarga yang seterusnya menyerahkan kunci tersebut kepada tetamu kehormat yang kemudian menyampaikan kepada Ketua Pegawai Eksekutif Hospital SSB, Awang Mohamad bin Haji Abd. Hamid.

Projek Pusat Pembelajaran dan Perkembangan Kesihatan ini disumbangkan oleh Thomas Liew dan keluarga dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Dengan kewujudan pusat ini akan dapat merealisasikan strategi hospital dalam memastikan program-program perkembangan kapasiti terutama program-program latihan dan perkembangan kakitangan sebagai salah satu elemen penting dalam perkembangan sumber tenaga kerja termasuk di dalam aspek perubatan dan kesihatan dalam sama-sama memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi, terkini dan cekap kepada pesakit-pesakit khasnya dan orang ramai umumnya dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Majlis Peletakan Batu Asas projek tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof pada 21 Jun tahun lepas manakala kerja-kerja pembinaan mula dilaksanakan pada 28 April tahun lepas di kawasan tanah seluas 0.55 ekar dan siap 29 Jun tahun ini.

Bangunan berkonsepkan tiga lantai yang berkeluasan 2,437.2 meter persegi ini menyediakan berbagai perkhidmatan termasuk surau lelaki dan perempuan, dewan kuliah, bilik persidangan, perpustakaan perubatan, makmal kemahiran dan makmal komputer.



PARA peserta Pertandingan Memasak Makanan Sihat bagi Kategori Penuntut semasa menyediakan menu makanan sihat.

Berwaspada dengan penyakit JE

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

LUMUT, Jumaat, 15 November. - Klinik Kesihatan Sungai Liang Daerah Belait dan Brunei BLNG Sendirian Berhad (Brunei LNG) telah menganjurkan taklimat awam mengenai Japanese Encephalitis (JE) untuk penduduk Mukim Liang Lumut berlangsung di Dewan Serbaguna, Sungai Liang Industrial Park (SPARK), di sini.

Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai untuk terus berwaspada terhadap penyakit bawaan nyamuk terutama sekali semasa musim hujan kebelakangan ini.

Nyamuk merupakan vektor pembawa penyakit yang boleh menyebabkan jangkitan kepada manusia seperti penyakit demam denggi, malaria, chikungunya, filariasis dan Japanese Encephalitis.

Taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Perubatan Kanan, Kementerian Kesihatan, Daerah Belait, Dr. Maimunah binti Haji Moxin dan Pegawai Perubatan, Klinik Kesihatan Sungai Liang, Dr. Haji Airwan bin Dato Paduka Haji Mohd. Kassim.

Pada tahun 2012, sejumlah 290 kes penyakit demam denggi telah dicatatkan manakala bagi tahun ini sehingga 12 Oktober 2013, sebanyak 349 kes telah dilaporkan yang mana peningkatan yang serupa juga dilihat di negara-negara serantau dan ianya didapati mempunyai kaitan dengan turunan hujan *rainfall* yang lebih tinggi yang menyebabkan lebih banyak takungan air di mana nyamuk boleh membiak.

Kebanyakan kes demam denggi di Negara Brunei Darussalam dilaporkan berlaku di Daerah Brunei Muara dan sebilangan kecil berlaku di daerah-daerah lain.

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan sedang giat melakukan langkah-langkah pengawalan dan pencegahan penyakit bawaan nyamuk, khususnya pengesanan kontek, pembasmian tempat pembiakan nyamuk, penyemburan racun serangga dan seterusnya pendidikan kesihatan kepada orang ramai.

Nyamuk mudah membiak di dalam takungan air sama ada di dalam atau di luar rumah seperti dalam pasu-pasu bunga, longkang-longkang yang tersumbat dan botol-botol plastik dan bekas-bekas tayar yang digunakan sebagai gubahan landskap.

Di dalam tempat-tempat takungan air yang tidak tertutup rapat seperti tangki, air, baldi, tajau dan sebagainya, sampah sarap yang

boleh menakung air seperti tin-tin kosong, bekas-bekas tayar yang terbiar, botol-botol kosong dan bekas kotak makanan.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran kepada penduduk Mukim Liang Lumut mengenai virus JE dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah penularannya.

Di antara tanda-tanda jangkitan penyakit denggi termasuk demam panas, sakit kepala, ruam kulit, sakit otot dan sendi serta sakit di bahagian belakang kelopak mata. Adakalanya pesakit boleh juga mengalami tanda-tanda yang lebih teruk seperti sakit perut, mual dan muntah serta masalah pendarahan.

Dalam sama-sama mencegah dan mengawal penyakit-penyakit bawaan nyamuk ini, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai untuk mengambil langkah-langkah seperti memeriksa dan menjaga persekitaran kebersihan rumah untuk memastikan tidak ada tempat atau bekas yang boleh menakung air dan menjadi punca pembiakan nyamuk, menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk dengan membuang takungan air dan mencuci bekas-bekas tersebut dengan bersih untuk memusnahkan sisa-sisa telur nyamuk kerana telur-telur nyamuk boleh menetas dalam masa tujuh hari, membuang sampah sarap secara kerap dan teratur terutama sekali sampah sarap yang menakung air, sentiasa menjaga kebersihan persekitaran dan segera mendapatkan rawatan di pusat-pusat atau klinik-klinik kesihatan yang berdekatan jika mengalami

tanda-tanda penyakit yang disebutkan di atas.

Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa situasi penyakit-penyakit bawaan nyamuk adalah di dalam keadaan terkawal namun begitu untuk memastikan pencegahan dan pegawalan penyakit bawaan nyamuk yang efektif dan berterusan.

Kesemua pihak di negara ini terutama sekali orang ramai dinasihatkan supaya bertanggungjawab dan melibatkan diri masing-masing untuk sentiasa berwaspada, khususnya dengan menjaga kebersihan di persekitaran termasuk membasmi tempat-tempat pembiakan nyamuk dan mengambil langkah-langkah yang telah disebut tadi.

Kementerian tersebut akan terus memantau situasi itu dari semasa ke semasa dan akan memaklumkan sebarang perkembangan kepada orang ramai jika perlu.

Taklimat juga menekankan tanggungjawab penduduk Mukim Liang Lumut dalam menjaga dan mengawal kebersihan kawasan persekitaran.

Taklimat tersebut dihadiri oleh Penghulu Mukim Liang Lumut, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Awang Mumin, Ketua Kampung Sungai Liang, Haji Abdul Wahab bin Abdullah, wakil-wakil dari agensi kerajaan dan swasta, penduduk-penduduk Mukim Liang dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dari Batalion Ketiga.



TAKLIMAT dihadiri oleh Penghulu Mukim Liang Lumut, Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Awang Mumin; Ketua Kampung Sungai Liang, Awang Haji Abdul Wahab bin Abdullah, wakil-wakil dari agensi kerajaan dan swasta, para penduduk Mukim Liang dan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dari Batalion Ketiga.

Galakkan pengambilan makanan sihat

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Rabu, 20 November. - Memilih menu makanan sihat adalah penting dalam kehidupan seharian ke arah menjaga kesihatan tubuh badan, di samping membantu mengurangkan beberapa risiko penyakit merbahaya yang disebabkan oleh pengambilan makanan tidak seimbang.

Menyadari hal itu Unit Kantin dan Program Pemakanan Sekolah di bawah Program Sekolah Mempromosikan Kesihatan, Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSh) Bangar menganjurkan Pertandingan Memasak Makanan Sihat, berlangsung di Dewan Makan, SMSh, Pekan Bangar, di sini.

Pertandingan antara rumah-rumah itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori Penuntut dimenangi oleh Orang Kaya Muda, tempat kedua Orang Kaya Setia, manakala Orang Kaya Periwara di tempat ketiga.

Bagi Kategori Guru-Guru pula tempat pertama dimenangi oleh Orang Kaya Setia, diikuti oleh Orang Kaya Muda di tempat kedua, sementara Orang Kaya Periwara menduduki tempat ketiga.

Pertandingan yang julung-julung kalinya diadakan itu diharap akan dapat mengasah bakat semula jadi warga SMSh dalam bidang masakan, di samping sebagai galakkan agar mengutamakan masakan dan makanan yang sihat dalam kehidupan seharian sebagai satu pilihan bijak.

Dengan matlamat untuk mempromosikan dan mempraktikkan gaya hidup sihat dengan pengambilan makanan sihat secara teratur, pertandingan sedemikian juga dihasrat dapat memupuk kesedaran dalam pengendalian makanan (dari segi asas keselamatan dan kebersihan) serta menggalakkan bekerja secara berpasukan untuk melaksanakan tugas-tugas dalam menghasilkan produk yang berasaskan makanan.

Brunei - Bahrain bincang isu kepentingan bersama



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Menteri Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengadakan perjumpaan bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Bahrain, Tuan Yang Terutama Shaikh Khalid bin Ahmed bin Mohamed Al-Khalifa yang berlangsung di Ritz Carlton Bahrain di Manama, Bahrain.

Laporan : Aimi Sani

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali dari Manama, Bahrain

MANAMA, BAHRAIN, Sabtu, 23 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Menteri Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, mengadakan perjumpaan bersama Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Bahrain, Tuan Yang Terutama Shaikh Khalid bin Ahmed bin Mohamed Al-Khalifa.

Setelah itu, Duli Yang Teramat Mulia kemudian berangkat menghadiri 'High Tea' yang diberikan oleh Timbalan Perdana Menteri Bahrain, His Highness Shaikh Ali bin Khalifa Al-Khalifa. Juga berangkat ialah anak kepada Timbalan Perdana Menteri Bahrain, His Highness Shaikh Ali bin Khalifa Al-Khalifa.

Pada perjumpaan yang berlangsung di Ritz Carlton Bahrain itu, DYTMM membincangkan isu-isu dua hala yang mempunyai kepentingan bersama.

DYTMM berada di Manama, Bahrain bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Dialog Kerjasama Asia Ke-12 (12th Asia Cooperation Dialog - ACD Ministerial Meeting) dan ASEAN-Gulf Cooperation Council (GCC) bermula 25 hingga 26 November ini.

ACD Ke-12 di Manama akan dimulakan dengan Mesyuarat Peringkat Pegawai-Pegawai Kanan (Senior Officials Meeting - SOM), sementara Mesyuarat Peringkat Menteri-Menteri pada 25 November dijangka akan dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Bahrain, TYT Shaikh Khalid bin Ahmed bin Mohamed Al-Khalifa.

Negara Brunei Darussalam

menyertai ACD sejak tahun 2002 bersama 17 negara lain dan sekarang ACD telah dianggotai oleh 33 buah negara masing-masing dari rantau Asia Tengah, Asia Timur, Asia Selatan, Timur Tengah dan Asia Tenggara.

Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Bahrain mula ditubuhkan pada 24 September 1988.

Beberapa perjanjian kerjasama telah dimeterai antara Negara Brunei Darussalam dan Bahrain antaranya ialah Perjanjian Perkhidmatan Udara pada tahun 1990 di Manama Bahrain, Penandatanganan Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Pelaburan dan Sektor Kewangan yang ditandatangani di Bandar Seri Begawan pada 2003, 'The Convention for the Avoidance of Double Taxation and The Agreement for the Promotion and the Protection of Investments' yang ditandatangani di Manama pada 2008 di beberapa perjanjian yang lain.

Brunei komited tangani perubahan iklim

Dari muka 1

Yang Berhormat seterusnya mengesahkan komitmen dan obligasi Negara Brunei Darussalam terutamanya dalam menjalankan mitigasi dan tindakan-tindakan penyesuaian kebangsaan yang sesuai, selaras dengan peruntukan dan prinsip-prinsip Konvensyen, di samping usaha-usaha berterusan menangani dan memerangi perubahan iklim sebagai kewajipan dan tanggungjawab moral.

"Ini termasuk inisiatif kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi selain dari sektor minyak dan gas, seperti kecekapan sumber dan keselamatan makanan dan komitmen yang berterusan dalam pelaksanaan Inisiatif Nadi Borneo," jelas Menteri Pembangunan.

Persidangan tersebut dihadiri oleh 192 pihak daripada UNFCCC, yang membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perjanjian iklim global baru digelar 'Perjanjian 2015' yang akan membentuk pasca-2020 iklim global, agenda ekonomi dan pembangunan; kewangan iklim yang

akan membolehkan seluruh dunia untuk bergerak ke arah pembangunan rendah karbon dan penubuhan satu susunan institusi yang akan membantu penduduk terdedah bertindak terhadap kesan perubahan iklim.

Persidangan turut dihadiri oleh para perwakilan daripada pihak-pihak perniagaan dan industri, organisasi antara kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan media.

Sempena persidangan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pembangunan juga menghadiri Dialog Peringkat Menteri mengenai pendekatan-pendekatan pasaran bagi meningkatkan tindakan-tindakan dan kewangan iklim, di samping meningkatkan tindakan-tindakan di bawah 'Platform Durban'.

Mengiringi Yang Berhormat pada persidangan tersebut ialah pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan, pegawai-pegawai dari Jabatan Peguam Negara di Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menghadiri Dialog Peringkat Menteri pada Persidangan Perubahan Iklim atau Conference of the Parties (COP) Ke-19 dari Rangka Kerja Bangsa-Bangsa (PBB) untuk Perubahan Iklim (UNFCCC) dan Persidangan Sesi Ke-9 dari Protokol Kyoto (CMP9) di Warsaw yang bermula dari 11 hingga 21 November.

Naubat kini dibuka semula



YANG Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar semasa menyertai Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 24 November. - Naubat kini dibuka semula setelah ditutup atas kembalinya ke rahmatullah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Datin Seri Setia Hajah Siti Saerah binti Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Akazul Khairi Waddien pada hari Isnin, 1 Muharam 1435 Hijriah bersamaan 4 November 2013 Masihi.

Majlis Membuka Naubat berlangsung di Lapau di ibu negara di hadapan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Bacaan tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar.

Manakala bacaan doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Majlis disusuli dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Berikutan kembalinya ke rahmatullah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Datin Seri Setia Hajah Siti Saerah binti Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Akazul Khairi



MAJLIS Membuka Naubat berlangsung di hadapan Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Waddien, Naubat ditutup selama 20 hari.

Berangkat dan hadir pada majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Yang Dimuliakan Pehin-Pehin dan para jemputan.

SEMOGA PARA PELAJAR KITANI BERJAYA DI DALAM PEPERIKSAAN

دتریتکن اوله جبائن فئراغن، جبائن فردان منتری دان دچیتق اوله جبائن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.